



قائست بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 22

RABU 3 JUN, 1987.

رابعو 5 شوال 1407

PERCUMA

DYMM berangkat Sembahyang Raya Aidilfitri

Oleh Ahat Hj. Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara bagi menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidilfitri bersama-sama rakyat dan penduduk negara ini.

Berangkat sama menunaikan sembahyang pada pagi Jumaat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan, serta lain-lain ahli kerabat Diraja.

Upacara sembahyang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, manakala khutbah sembahyang hari raya pula dibacakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Lihat muka 24

**Jangan
ketinggalan
menggunakan
metrik**

PETIKAN TITAH

“Negeri Brunei adalah sebuah negeri Islam yang mempunyai agama Islam sebagai agama rasmi negara yang berusaha ke arah menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna.”

Telah dititahkan pada 20 Februari, 1978 sempena perhimpunan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallahi di ibu negara.



Ambil iktibar sempena menjelang Syawal

BAGI MENINGKATKAN DAN MENERAT MUHIBAH — Titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rakyat dan penduduk negara ini diseru supaya mengambil iktibar sempena menjelangnya Syawal yang penuh berkat bagi meningkatkan dan mengerat perasaan muhibah dan silaturahim.

Hanya dengan demikian dengan izin Allah ianya akan dapat melahirkan suasana harmoni dan perpaduan di kalangan masyarakat dan dapat menjamin keselamatan Negara Brunei

Darussalam.

Bertitah demikian dalam perutusan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei malam Khamis lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berharap semoga ibadat puasa yang kita lakukan setiap tahun itu akan dapat menimbulkan perasaan insaf dan disiplin di kalangan kita.

Lihat muka 24

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika dijunjung ziarah oleh umat Islam sebaik-baik saja sembahyang Hari Raya Aidilfitri sempurna dilakukan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berangkat menunaikan sembahyang Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

MANISNYA IMAN

“BARANGSIAPA berpuasa di bulan Ramadan kemudian menyertakan bulan Ramadan itu dengan berpuasa enam hari dari bulan Syawal, maka dia seperti berpuasa satu tahun penuh.” — Hadis Nabi riwayat Muslim dari Abi Hurairah radiyallahu 'anhu dan dari Abi Ayyub.



3 JUN. 1987

Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang

MENGAMBIL IKTIBAR DI BULAN SYAWAL

BULAN Ramadan di mana ibadah puasa selama sebulan yang kita kerjakan telah pun berlalu dan meninggalkan kita. Dan kini kita, khususnya umat Islam di negara ini berada dan menikmati pula suasana kemeriahan Hari Raya Aidilfitri di bulan Syawal. Pada hakikatnya suasana kemeriahan Hari Raya Aidilfitri yang kita rasakan ketika ini adalah merupakan suatu nikmat dan hadiah yang besar dan agung dari Allah Subhanahu Wataala kepada makhluknya, iaitu umat Islam yang telah berjaya melawan godaan hawa nafsunya menerusi ibadah puasa. Tidak syak lagi kejayaan sedemikian dapat menempatkan kita sebagai hamba-Nya yang benar-benar bertakwa dan penuh keimanan. Dan semoga dengan itu kita sesungguhnya merupakan barisan orang-orang mukmin yang akan mendapat ganjaran pahala yang kelak akan kita terima nikmatnya di hari pembalasan nanti.

Sehubungan dengan menjelangnya perayaan Hari Raya Aidilfitri ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru rakyat dan penduduk negara ini supaya mengambil iktibar dari menjelangnya Syawal itu, dengan tujuan untuk meningkat dan mengeratkan lagi perasaan muhibah dan silaturahmi. Dengan itu Baginda yakin, dengan izin Allah tujuan demikian akan dapat mewujudkan suasana harmoni dan perdamaian dalam masyarakat dan dapat pula menjamin keselamatan negara.

Selayaknya dengan seruan sedemikian, kita sebagai rakyat dan penduduk negara ini perlulah bersikap positif pada bersamasama mengamati dan mengalamkannya, agar apa yang kita harapkan juga dari suasana tersebut akan dapat menghasilkan suatu bentuk ketahanan. Ketahanan kepada bangsa dan negara yang ingin maju dan mencapai kemakmuran, serta ketahanan kepada kekuatan ummah yang terus bersatu padu, sesuai dengan matlamat kita yang telah menjadikan Islam sebagai cara hidup kita yang lengkap lagi raps, dan sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Bertulis Negara.

Kita yakin adalah amat berpatutan untuk Baginda terus mengingati dan mengharapkan seruan-seruan sedemikian menyentuh mesra sanubari dan pemikiran kita untuk diamlkan dan menjadi kenyataan. Sebagai sebuah negara merdeka yang terus berusaha pesat dalam mencorakkan berbagai bentuk pembangunan — iaitu pembangunan dalam bentuk fizikal dalam isu-isu sosial, politik dan ekonomi serta pembangunan dalam bentuk kerohanian yang berunsurkan syiar Islam, maka untuk mencapai matlamat kejayaannya tentunya suasana aman, saling bersatu padu dan berdisiplin dalam masyarakat adalah amat penting kita wujudkan.

Dengan jaminan demikian, insya-Allah apa yang Baginda hajatkan dan juga apa yang kita inginkan sebagai rakyat dan penduduk negara ini, ialah untuk terus menikmati kemakmuran dan kesentosaan yang berkekalan selama hidup kita. Semoga dari keadaan itu nanti ianya akan berterusan sebagai warisan kepada generasi-generasi kita kemudiannya siapa yang akan terus mewujudkan identiti kita sebagai bangsa Brunei yang telah duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain di dunia antarabangsa yang serba maju dan membangun.

Amat bertepatan sempena Aidilfitri ini seruan dan harapan itu kita pastikan sebagai suatu peringatan dan kezamaan yang berterusan selama hidup kita. Biarlah kita jadikan Aidilfitri sebagai satu titik mula yang bermakna untuk kita membaharui langkah dan tindakan kita yang berkebakjian demi membangun bangsa dan negara serta menegakkan ugama Islam sebagai ugama yang diredai Allah Subhanahu Wataala di bumi Darussalam ini.

Mudah-mudahan juga ibadah puasa yang telah kita amalkan selama sebulan itu akan kita peroleh intipati darinya dalam melahirkan kesedaran, dalam mendidik diri dan tabiat kita sebagai masyarakat manusia yang bermaruah, bertamadun dan berhemah tinggi dalam tindakan dan perbuatan kita. Sesungguhnya kita adalah masyarakat yang amat beruntung kerana telah dijadikan sebagai umat yang menjadikan dan mengamalkan Islam sebagai ugama kita. Islam mendidik kita berbudi pekerti mulia. Islam menginginkan perpaduan dan silaturahim dan Islam melarang kita berpecah-belah, kerana perpecahan hanya akan menjadikan kita sebagai umat yang lemah dan hancur.

Assalamu'alaikum Wa-
rahmatullahi Wabarkatuh.

Allah-hu Akbar, Allah-hu
Akbar, Allah-hu Akbar.
Walil-la Hilham.

SEKALU puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala selawat dan salam kepada junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kita telah dapat menyempurnakan ibadah puasa di sepanjang bulan Ramadan. Adalah diharapkan segala ketabahan iman dan takwa serta amal ibadat yang kita amalkan di sepanjang bulan Ramadan itu akan diberikati dan diredai Allah, dan akan dipertingkatkan-Nya taraf amal ibadat kita itu daripada tahun-tahun yang sudah.

Beta juga berharap, amal ibadah puasa yang kita lakukan pada tiap-tiap tahun ini akan dapat menimbulkan perasaan insaf dan disiplin di kalangan kita dan menyedari akan betapa perlunya bagi menjalankan setiap kewajipan dan pekerjaan yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi, keikhlasan dan bersih serta amanah semata-mata kerana Allah jua. Mudah-mudahan juga daripada ibadah puasa itu nanti ianya akan melahirkan kesedaran di kalangan rakyat

Bismillah-hir-rahmanir-rahim

Assalamualaikum
Warahmatullah hi
wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat-kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda.

Syukur alhamdulillah kerana dengan izin Allah jua dapatlah kita pada hari ini bersama-sama hadir di majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Pelajaran Cemerlang Bagi Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan seluruh negara. Majlis ini adalah merupakan majlis kemuncak kepada siri penyampaian-penyampaian hadiah pelajaran keempat-empat daerah. Pada hari ini, kita akan menyampaikan hadiah-hadiah pelajaran kepada murid-murid sekolah-sekolah rendah kerajaan yang terbaik di seluruh negara. Selain dari itu kita akan juga memberikan sijil penghargaan kepada guru-guru dan sekolah-sekolah rendah yang terbaik. Penilaian kepada murid-murid, guru-guru dan sekolah-sekolah yang akan menerima penghargaan kita pada hari ini adalah berasaskan kepada pencapaian masing-masing di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (PCE).

Saya menyadari sepenuhnya bahwa untuk menilai sesebuah sekolah, iaitu usaha guru-guru dan murid-murid, secara objektif bukanlah perkara yang mudah. Perkembangan murid yang dipertanggungjawabkan kepada guru-guru di sekolah bukanlah setakat

“Beta juga berharap, amal ibadah puasa yang kita lakukan.....”

**AKAN DAPAT MENIMBULKAN
KEINSAFAN DAN DISIPLIN**

dan penduduk negara ini khususnya yang beragama Islam, akan betapa pentingnya untuk mematuhi setiap peraturan-peraturan dan undang-undang yang dikenakan oleh pihak yang berwajib serta mengamalkan tata susila masyarakat yang telah sedia wujud bagi tujuan untuk menjamin kesempurnaan dan pembiasaan kehidupan, iaitu sebagai masyarakat yang bertamadun dan berhemah tinggi.

Menjelangnya bulan Syawal yang baik dan penuh berkat ini, Beta ingin menyeraikayat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, untuk mengambil iktibar daripadanya bagi mempertingkat dan mempereratkan lagi perasaan muhibah dan hubungan silaturahim sesama kita kerana dengan cara demikian ianya akan dapat melahirkan suasana harmoni dan perpadduan di kalangan masyarakat, dan dapat menjamin keselamatan Negara Brunei Darussalam, insya-Allah.

Bersempena hari yang ber-
bahagia ini, Beta bersama-

TITAH ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun Hijrah 1407/tahun Masihi 1987.



sama dengan keluarga Beta, dengan sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, mudah-mudahan Negara Brunei Darussalam serta segala isi di dalamnya akan

Beta sekali lagi dengan ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya.

Sekian, Wallahu
Wal-Hidayah, Wassalam
alaikum Warrahmatullah
Wabarkatuh.

**Satu kaedah penilaian
bagi jangka panjang
sedang diusaha-hasilkan**

perkembangan akal di bidang akademik tetapi pada hemat saya melingkungi juga aspek-aspek rohani dan jasmani. Kementerian Pelajaran pada masa ini sedang berusaha untuk menghasilkan satu kaedah penilaian bagi kegunaan jangka panjang yang tidak semata-mata berasaskan kepada pencapaian sekolah-sekolah dalam peperiksaan-peperiksaan umum. Bagi guru-guru pada misalnya aspek-aspek seperti tatatertib, dedikasi terhadap tugas, ramai murid yang diajar, penglibatan di dalam kegiatan ECA, hubungan dengan ibu bapa dan seumpamanya mungkin boleh diambil kira dalam membuat penilaian selain dari pencapaian murid-murid di dalam peperiksaan umum. Walau bagaimanapun, peperiksaan itu akan tetap menjadi salah satu faktor yang terpenting. Sebagai mana kita sama-sama maklum bahawa telah banyak pembaharuan kaedah dicuba untuk menilai hasil dari proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, tetapi peperiksaan adalah tetap dianggap sebagai satu kaedah yang terbukti pantas menunjukkan secara umum akan kadar dan tahap perkembangan akal dan ilmu pengetahuan yang dicapai oleh murid-murid di sekolah. Di samping itu masyarakat

UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Pelajaran di Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Pelajaran Cemerlang Tahun 1986 Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah Seluruh Negara bertempat di Dewan Sekolah Rendah Mabohai pada 25 April, 1987 yang lalu.



umum kelazimannya menilai pencapaian guru-guru dan sekolah-sekolah dengan melihat keputusan-keputusan pemeriksaan umum yang dicapai oleh mereka. Oleh karena demikian, bagi permulaan ini, penilaian tahun ini yang didasarkan kepada pencapaian murid di dalam pemeriksaan PCE, saya rasa adalah tidak begitu jauh dari yang diharapkan.

Adapun tujuan besar usaha kita ini dilaksanakan ialah antara lain untuk menimbulkan minat guru dan murid-murid

terhadap tanggung jawab masing-masing. Hal ini diberikan kepada murid pada hari yang kecil nilainya dibandingkan dengan khidmat yang telah diberikan kepada mereka. Begitulah dengan penghargaan diberikan kepada guru adalah banyak berpuas hati peranda dan terhadap penempatan yang baik diharapkan maju ke

PENAKLUKAN BRUNEI DI FILIPINA ATAS DASAR MELUASKAN SEBARAN UGAMA ISLAM

Penaklukan Brunei

PENGARUH Brunei di Filipina dikenal pasti sejak akhir abad yang ke-15 atau abad yang ke-16 iaitu dalam masa pemerintahan Sultan Bolkiyah. Dasar penaklukan yang dijalankan oleh Baginda dengan sendirinya meluaskan penyebaran Islam ke tempat yang ditakluki itu.

Penaklukan pula tidak semestinya dilakukan dengan kekerasan, malah juga dengan diplomasi seperti perundingan, perkahwinan dan atas kerelaan pemerintah yang didatangi itu sendiri untuk bernaung di bawah panji-panji kesultanan Brunei. Dengan demikian Islam turut tersebar ke serata Pulau Borneo dan beberapa bahagian terpenting di kepulauan Filipina dari Sulu hingga ke Pulau Luzon (Manila). Jelasnya menurut setengah sejarahawan tempatan dan Barat bahawa kawasan takluk Brunei itu antara lain ialah Kesultanan Sambas, Kotaringin, Pontianak, Coti, Pasir, Barau, Tuli-Tuli, Banjar, Bolongan, Kepulauan Sulu, Kepulauan Balabac, Banggi, Balam-bangan, Matanani di utara Pulau Borneo hingga ke Manila. (Lihat H.R. Hughes-Hallet, "A Sketch of the History of Brunei", The Brunei Museum Journal, Vol. 5, No. 1, 1981, hlm. 4. Lihat juga Yura Halim dan Jamil Omar, Sejarah Brunei, 1958, hlm. 29). Sementara itu menurut Roland Bradell: sehingga 1841 seluruh Borneo Utara dari Cape Datu di barat hingga ke Sungai Sibucu di sebelah timur adalah di bawah pemerintahan kesultanan Brunei yang darinya diambil nama Borneo. (Lihat Roland Bradell, "A Note on Sambas and Borneo", JMBRAS, Vol. XXII, Pt. IV, 1949, hlm. 2).

Brunei menjadi kuat pada masa ini kerana kesultanan Brunei itu bukan baharu malah sudah wujud sejak awal abad yang ke-15 Masihi, malah lebih awal lagi jika zaman pra Islamnya diambil kira. Dalam jangka masa satu abad itu telah memungkinkan Brunei bangun, berkembang dan berdiri atas kaki sendiri. Ini dibantu lagi oleh datangnya Portugis ke Melaka dalam usahanya untuk menguasai perdagangan di Asia Tenggara.

Serangan-serangan Portugis ke atas Melaka di akhir abad yang ke-15 itu sudah tentu membimbangkan para pedagang khususnya para pedagang Islam untuk datang ke Melaka seperti lazimnya. Mereka tentu mahu mencari tempat yang lebih aman dan selamat. Maka di antara tempat yang terbaik pada masa

itu ialah Brunei dan Aceh. K.G. Tregonning mengatakan bahawa sekitar 1,500 Masihi ramai pedagang-pedagang asing telah mengalir ke Aceh, Banten, Petani dan Brunei. (Lihat K.G. Tregonning, A History of Modern Malaya, London: Eastern Universities Press Ltd. 1964, hlm. 444).

Pengaliran pedagang ke Brunei

Pengaliran para pedagang ini terutamanya ke Aceh meningkat dengan cepatnya setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 Masihi. Ini disebabkan sikap lintah darat pihak Portugis dan pemerasan dengan mengenakan cukai yang tinggi ke atas pedagang-pedagang. Selain itu juga yang menjadi kebencian pedagang-pedagang Islam ialah daya usaha Portugis untuk mendakwahkan agama Kristian di Melaka.

Oleh yang demikian tidak menghairankan jika Anthony Pigafetta yang melawat Brunei pada tahun 1521 Masihi itu mengatakan penduduk Brunei dianggarkan seramai 25,000 orang iaitu satu bilangan yang boleh dikatakan besar masa itu di rantau sebelah sini.

Negara-negara di gugusan kepulauan Melayu bernasib baik kerana munculnya dua kesultanan Melayu Islam iaitu Brunei dan Aceh yang dapat menyaingi dua kuasa Eropah dalam abad yang ke-16 iaitu Sepanyol dan Portugis. Tanpa Brunei dan Aceh sudah tentu Portugis dan Sepanyol akan lebih berleluasa dan merasa kekuatan mereka tidak tercabar, tetapi Brunei dan Aceh telah mengajar mereka supaya berhati-hati dan berfikir dua kali sebelum melakukan sebarang tindakan.

Portugis gagal

Walaupun Portugis dan Sepanyol mempunyai cita-cita yang sama yang antara lain untuk mengkristiankan penduduk di Asia Tenggara, tetapi cita-cita mereka tidak berhasil sepenuhnya. Portugis yang berpusat di Melaka bukan sahaja tidak berjaya mengkristiankan Melaka, tetapi juga mendapat tentangan hebat dari Aceh.

PORTUGIS juga sedar akan kekuatan Brunei dan memandang lebih baik hubungan diplomatik dan perniagaan dibuat dengan Brunei dari memusuhinya. Kegagalan Portugis mengkristiankan Melaka dan melihat Islam telah bertapak dengan kuatnya di Brunei, menyebabkan mereka melupakan motif asalnya itu di Brunei, kerana itu tidak ada usaha positif Portugis yang dilakukan ke arah itu di Brunei.

BRUNEI PERTAHANKAN AKIDAH ISLAM: SATU TINJAUAN SEJARAH (SIRI KEEMPAT)

Bagi Aceh, Portugis adalah musuh pertama dan utama yang mesti dihapuskan dari bumi Asia Tenggara.

Serangan-serangan Aceh itu walaupun kadang-kadang hebat tetapi tidak melemahkan semangat Portugis untuk terus bertahan di bumi Melaka. Portugis sedar bahawa apa yang mungkin melemahkan kedudukannya ialah sekiranya ia mempunyai musuh sekeliling pinggang, kerana itu ia terpaksa berbaik-baik dengan Johor dan Pahang yang kemudiannya memberikan bantuan kepada Portugis untuk menangkis serangan-serangan Aceh.

Di samping itu Portugis juga sedar akan kekuatan Brunei dan memandang lebih baik hubungan diplomatik dan perniagaan dibuat dengan Brunei dari memusuhinya. Kegagalan Portugis mengkristiankan Melaka dan melihat Islam telah bertapak dengan kuatnya di Brunei, menyebabkan mereka melupakan motif asalnya itu di Brunei, kerana itu tidak ada usaha positif Portugis yang dilakukan ke arah itu di Brunei. Sebaliknya pula bagi Brunei, tidak mencampuri urusan dalam negeri dan tidak mengganggu aqidah Islam orang-orang Brunei inilah yang memungkinkan

Brunei dapat menerima dan bekerjasama dengan Portugis.

Pengaruh Brunei di Filipina

Ini berlainan dengan sikap Sepanyol terhadap Brunei. Walaupun pada peringkat permulaannya mereka berniat baik terhadap Brunei seperti yang dibayangkan oleh Pigafetta, tetapi sikap mereka berubah kemudiannya setelah mereka bertapak di Luzon. Mereka melihat betapa kuatnya pengaruh Brunei di sana, juga di Sulu, Mindanao, Balayan dan lain-lain lagi, bukan sahaja pengaruh itu nampak dalam bidang perdagangan, malah juga dalam bidang pemerintahan, ikatan perkahwinan dan aqidah Islam yang telah tertanam dengan kuatnya di jiwa setengah orang-orang Filipina.

Dibandingkan dengan faktor-faktor yang lain, Sepanyol amat bimbang dengan perkembangan Islam di Filipina yang mungkin akan merebak dengan cepatnya jika tidak segera disekat yang akibatnya akan memusnahkan seluruh cita-cita dan harapan mereka. Kerana itu walaupun Sepanyol sedar akan kekuatan Brunei, tetapi mereka terpaksa menunjukkan sikap 'garang' untuk melemahkan

RENCANA pengetahuan yang bertajuk 'Brunei Pertahankan Akidah Islam - Satu Tinjauan Sejarah' ini mempunyai empat siri dan ianya ditulis oleh Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman.



TANPA Brunei dan Aceh sudah tentu Portugis dan Sepanyol akan lebih berleluasa dan merasakan kekuatan mereka tidak tercabar, tetapi Brunei dan Aceh telah mengajar mereka supaya berhati-hati dan berfikir dua kali sebelum melakukan sebarang tindakan.

semangat perwira-perwira Brunei.

Usaha untuk menduduki Brunei itu hanya berhasil di peringkat permulaan dalam tahun 1578, itupun kerana adanya perbalahan dalam keluarga kesultanan Brunei. Tetapi dua tahun kemudian apabila Sepanyol cuba menyerang bagi kali keduanya, atau mungkin dengan tujuan untuk menambatkan kekuatan tenteranya di Brunei, maka angkatan Sepanyol itu telah dapat dipatahkan dan mereka dihambat keluar oleh perwira-perwira Brunei di bawah pimpinan Pengiran Bendahara Sakam. (Lihat Hugh Low, "Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Bruni," JSBRAS, June 1880, hlm. 55). Selama berada di Brunei, Sepanyol telah mengenalkan agama Kristian kepada penduduk-penduduk Brunei, tetapi agama tersebut sama sekali tidak mendapat sambutan dan perhatian di Brunei.

Di sini didapati setengah penulis sejarah cuba dengan sengaja atau tidak untuk menyelamatkan maruah Sepanyol dengan mengatakan Sepanyol tidak berminat untuk menduduki Brunei kerana Brunei kononnya tidak sesuai untuk menjadi pusat atau tapak pergerakan mereka.

Padahal Brunei adalah di antara beberapa tempat yang menjadi idaman mana-mana kuasa, menjadi persinggahan pedagang-pedagang dari Timur dan Barat, istimewa selepas kejatuhan Melaka. Menurut Tome Pires, Brunei mengadakan atau mengeluarkan bahan-bahan dagangan yang sangat-sangat digemari masa itu seperti emas, lilin, madu, beras dan sagu. Pendeknya dalam abad yang ke-16 inilah Brunei mencapai zaman kegemilangannya.

Jika benar Sepanyol tidak berminat terhadap Brunei, mengapakah ia berusaha bersungguh-sungguh untuk menyekat pengaruh Brunei di Filipina. Tidakkah ini

menunjukkan bahawa Brunei dewasa itu bukan negara kecil yang tidak mempunyai nilai apa-apa, sebaliknya sebuah negara besar yang disegani oleh kawan dan lawan.

Jadi jelas bukan Sepanyol yang tidak mahukan Brunei, sebaliknya Brunei yang tidak dapat menerima Sepanyol sebagaimana Brunei dapat menerima Portugis. Sebab kedatangan Sepanyol bukan sahaja untuk menguasai perdagangan, tetapi yang penting dan serentak dengan itu cuba mencabut aqidah Islam yang telah lama tertanam di jiwa orang-orang Brunei.

Sepanyol undur

Sekurang-kurangnya ada tiga faktor mengapa Sepanyol tidak lagi berani mendekati Brunei selepas ketewasannya di tangan Brunei pada tahun 1580 itu. Pertama: Kesedarannya bahawa agama Kristian tidak mendapat tempat di Brunei. Kedua: Pengalamannya tentang kuatnya angkatan perang Brunei. Ketiga: Kebimbangannya bahawa sekiranya ia menumpukan kekuatannya di Brunei, ia akan kehilangan Filipina sebab orang-orang Moro (Islam) di Filipina juga memberikan tentangan yang berterusan sehingga pertempuran antara orang-orang Sepanyol dan orang-orang Moro di Filipina berlanjutan selama 300 tahun.

Oleh yang demikian, Sepanyol merasa tidak berfaedah membazirkan tenaga untuk menentang sebuah Kerajaan Islam seperti Brunei yang ternyata lebih berkemampuan dan lebih tinggi hemahnya. Bagi Sepanyol, cukup untuk menyekat Brunei dari terus mengembangkan pengaruhnya di Filipina. Pada zahirnya jangkaan Sepanyol itu mungkin betul, tapi pada hakikatnya penentangan orang-orang Moro Filipina terhadap Sepanyol itu adalah dari semangat cintakan Islam yang telah ditanamkan sebahagian besarnya oleh pengembang-pengembang Islam dari Brunei sendiri.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-383

RIBA DAN INTERES

**Faedah yang diambil dari
menghutang dan menyimpan wang di bank:** (SIRI PERTAMA)



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Seri Utama Awang Haji Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan

INTERES atau bunga atau faedah, sama ada interes dan faedah itu diambil dari hutang yang mempunyai interes atau bunga atau faedah, atau dari faedah simpanan wang dalam bank atau dalam rumah perniagaan wang dan seumpamanya dan bank atau rumah perniagaan wang itu memberi faedah atau interes atau bunga kepada orang yang menaruh dan menyimpan wang itu, maka semuanya dari faedah hutang dan dari faedah wang simpanan itu dikatakan riba sebagaimana telah disebutkan oleh Al-Allamah As-Syed 'Alwi bin Tahir Al-Haddad Rahimahullah, Mufti Kerajaan Johor dalam banyak kali fatwanya, boleh dapat dilihat dari dalam Majalah Warta Jabatan Agama Johor, dan telah ditegaskan oleh Lembaga Fatwa Universiti Al-Jami'ul Azhar (Lujnatul Fatwa) dengan katanya: Bahawa faedah dari modal (atau harta atau wang) yang disimpan dalam Savings Bank atau pada mana-mana bank adalah ia haram kerana faedah itu suatu jenis dari jenis riba yang diharamkan, dengan nas Al-Quran dan hadis dan ijmak (Ulama Islam).

Dan ada satu fatwa yang telah dikeluarkan di Mesir,

sebelum fatwa Lujnatul Fatwa Al-Azhar itu, bertarikh 16 Oktober, 1916 dan bilangan 650 dan telah disiarkan dalam Majalah Aj-Jadwalul 'Ashirul Awal dengan bilangan 1172 oleh peguam-peguam Mesir berbunyi: Bermula faedah-faedah (interes) yang dibayar oleh mahkamah-mahkamah Mukhtalith kepada tuan-tuan punya wang simpanan adalah ia riba dan haram di atas tuan punya wang simpanan itu mengambil faedah itu dan jika ia mengambil juga maka wajib di atasnya memulangkan faedah itu kepada tuan punya itu (yang mahkamah itu mengambil daripadanya), kiranya tuan punya faedah itu diketahui, dan jika tiada diketahui, maka wajiblah di atas yang mengambil faedah itu sedekahkan faedah itu (seperti kepada fakir miskin dan seumpamanya).

Telah ditegaskan juga seperti hukum di atas oleh Ash-Sheikh Muhammad Hus-

nain Makhluf, Mufti Kerajaan Mesir, dari kitab Ar-Riba Wal-Faedah oleh Ash-Sheikh 'Alauddin Kharufah, Kadi Al-Basrah, Iraq. Dicitak di Baghdad tahun 1962.

Dan telah ditegaskan oleh Al-Allamah Ash-Sheikh Hus-sain Ma'mum, dahulunya Mufti Kerajaan Mesir, kemudian menjadi ketua agung Universiti Al-Azhar Ash-Sheikh Sharif dalam fatwanya berulang-ulang kali dalam Majalah Mimbar Al-Islam Mesir.

Telah ditegaskan oleh Ash-Sheikh At-Tahir Ahmad Az-Zawi, Mufti Republik Arab Libya (Mufti Al-Jumhuriyyah Al-'Arabiah Al-Libiyah) dalam kitab Majmu'ah Fataawa, dicetak di Beirut, Darul Fatwa tahun 1973 berbunyi: Dari apa yang kita sebutkan di atas, kita dapat faham bahawa apa yang diberi oleh bank-bank dari harta-hartanya, atau apa yang diambil oleh bank-bank dari harta-harta orang yang

menyimpan di bank-bank itu dengan peratus yang tertentu, adalah ia dari jenis riba dengan tiada syak lagi padanya kerana dia itu suatu lebih (faedah) dan termasuk di bawah jenis Riba Al-Fadhli, dan riba itu haram sama ada sedikit atau banyaknya adalah sama sahaja dengan tiada ada syak lagi... dan apa yang dikatakan orang bahawa apa yang diambil oleh bank-bank itu ialah dia balasan di atas khidmat yang dihulurkan oleh bank-bank itu kepada orang-orang yang berhutang itu, adalah ia suatu takwil atau cakapan hendak menghalalkan riba dan ia suatu helah dan muslihat bagi hendak makan harta orang dengan cara batil (tiada sah pada syarak), dan suatu jalan bagi hendak mengharuskan riba.

Segala ayat-ayat Quran yang berhubung dengan perkara riba adalah mahkamah dan 'ammah pada semua bahagian dan jenis riba, tiadalah sekali-sekali dimasuk oleh sebarang nasakh dan tiada dimasuki oleh sebarang takhsis dan tiadalah seseorang pun daripada ulama-ulama tafsir dan ulama-ulama fiqh berkata halal atau menghalalkan pada mana-mana bahagian riba itu (riba itu katanya sebelum ini dua bahagian: Riba An-Nasiyyah dan Riba Al-Fadhli), sama ada riba itu Nasiyyah atau riba Fadhli semua ayat-ayat Quran yang berhubung dengan riba itu tegas dan terang (tiada berlindung) tentang riba itu haram sama ada sedikit atau banyaknya, sebagaimana yang nyata dari susunan dan lafaz-lafaz ayat-ayat Quran

pada perkara riba ini. Menurut keputusan Majlis Jammu'ul Bubuthul Islam iaitu Lembaga Universiti Al-Azhar yang terdiri dari ulama negeri dalam suatu keputusannya pada tahun 1965: Mengharamkan faedah dari segala jenis bahagian hutang adalah riba yang diharamkan kerana nas Al-Quran dan hadis pada keseluruhan menegaskan pada meng-haramkan mengambil faedah dari hutang yang dimasuki dia Istihlak atau hutang ini.

Banyak atau sedikit riba adalah haram sebagaimana yang difahamkan dengan faham yang betul.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

Ceramah kerjaya juruterbang ABDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa mempelawa anak-anak tempatan menceburi kerjaya selaku juruterbang sesuai dengan perkembangan pesat yang dialami oleh cawangan berkenaan.

Tentera Udara yang ditubuhkan pada 1 Februari 1966, kini mempunyai beberapa pesawat helikopter terdiri dari Bell 212, Bell 214, Bell 206, BO 105, SF 260 dan S 76.

"Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa mempelawa para pemuda untuk berkhidmat sebagai juruterbang menerusi Pusat Pengambilan ABDB. Iklan-iklan disiarkan melalui media-media massa seperti TV, radio dan akhbar-akhbar untuk pengetahuan para belia yang berminat," jelas Pegawai Latihan Teknikal dan Pengajian Penerbangan Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garrison, Kapitan Haji Jasni bin Haji Bakar.

Penjelasan itu disampaikan dalam ceramah beliau di Majlis Ceramah Kerjaya Seorang Juruterbang ABDB anjuran Perkhidmatan Perpustakaan Muda Mudi, Dewan Bahasa dan Pustaka di Balai Pameran jabatan berkenaan.

Menurut Kapitan Haji Jasni, Pegawai Juruterbang di bahagikan kepada dua bahagian iaitu Pegawai Bertauliah Jangka Pendek dan Pegawai Bertauliah Tetap.

Bagi Pegawai bertauliah Jangka Pendek, kelayakan yang diperlukan ialah lulus Sijil Am Pelajaran Peringkat O dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains; lulus dalam pemeriksaan kesihatan; lulus temuduga Tentera Udara termasuk pengetahuan am mengenai pesawat terbang; prinsip penerbangan; hal ehwal Tentera Udara dan sebagainya.


Menurut Kapitan Haji Jasni lagi, setelah lulus ujian tersebut mereka akan menjalani ujian penerbangan dengan menerbangkan pesawat SF 260W yang mengambil masa lima hingga tujuh jam untuk penerbangan.

Di antara kursus latihan yang diikutinya adalah latihan rekrut selama enam minggu di Perkhidmatan Bolkliah, kursus asas pegawai di United Kingdom selama enam bulan, penerbangan asas dengan menerbangkan pesawat SF 260W dan Bell 206 selama kira-kira setahun termasuk pengetahuan mengenai pesawat, peralatan dan prinsip penerbangan, cuaca dan penerbangan 'navigation'.

PELITA BRUNEI telah fahamkan, elau tamabkan bagi penerbangan ialah \$20 semasa latihan dan \$415 bagi juruterbang terlatih di samping menerima gaji 2LT: \$1795 + \$279 Tuntutan Pilot, Lt: \$3100. Kapitan: \$3010 + \$415 Terlatih ditambah dengan 213 Elaun Perumahan.

Di samping itu, pegawai juga terbuka bagi melanjutkan peringkat lain yang mempunyai potensi dalam bidang penerbangan menerusi sistem pemilihan yang agak berkesan.

Ceramah yang merupakan salah satu kegiatan perpustakaan berkenaan agcuti sekolah itu telah dihadiri oleh kira-kira 50 orang belia.



CERAMAH kerjaya selaku Juruterbang ABDB disampaikan oleh Kapitan Haji Jasni. — Gambar oleh Pg. Yaakub.

Waktu Sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 3 Jun hingga ke hari Selasa 9 Jun, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Jun												
3	12.21	3.44	3.45	6.29	6.30	7.45	7.46	4.51	4.37	4.52	6.06	6.07
4	12.21	3.44	3.45	6.30	6.31	7.45	7.46	4.51	4.37	4.52	6.06	6.07
5	12.21	3.44	3.45	6.30	6.31	7.45	7.46	4.51	4.37	4.52	6.06	6.07
6	12.21	3.45	3.46	6.30	6.31	7.46	7.47	4.51	4.37	4.52	6.06	6.07
7	12.21	3.45	3.46	6.30	6.31	7.46	7.47	4.51	4.37	4.52	6.06	6.07
8	12.21	3.45	3.46	6.31	6.32	7.46	7.47	4.51	4.37	4.52	6.06	6.07
9	12.22	3.45	3.46	6.31	6.32	7.46	7.47	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MARILAH kita sama-sama bertakwa dan terus beriman ke hadirat Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Dalam suasana hari raya yang penuh dengan kegembiraan dan kerianan kita juga semestinya bersyukur ke hadirat Allah kerana kita telah berjaya melaksanakan fardu puasa Ramadan sebulan. Yang bererti juga kita telah berjaya berjihad melawan hawa nafsu dan runtunan syaitan durjana. Dengan kejayaan kita menghadapi cabaran dan godaan hawa nafsu itu, maka Allah Taala menghadiahkan hari raya kepada setiap orang yang telah sempurna menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan dengan diharamkan berpuasa pada hari raya itu bagi melahirkan kegembiraan dan kesyukuran dengan bertakbir menjelang masuknya malam hari raya dan berkumpul beramai-

ALLAH HADIAHKAN HARI RAYA KEPADA MEREKA YANG SEMPURNA PUASA RAMADAN

ramai di pagi hari raya di masjid-masjid dan surau-surau seluruh pelusuk negara untuk menunaikan sembahyang hari raya, kemudian kunjung-mengunjungi saudara-mara, sahabat handai dengan wajah yang berseri-seri mengucapkan selamat hari raya sambil

bermaaf-maafan dengan penuh rasa persaudaraan dan kemesraan.

Mengikut maksud sabda hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Ada dua kegembiraan bagi orang yang berpuasa itu, iaitu gembira ketika berbuka dan kegembiraan ketika ia bertemu dengan Tuhannya — kegembiraan di hari raya itu adalah termasuk dalam maksud kegembiraan ketika berbuka." (Selesai menyempurnakan ibadah puasa).

Bulan Ramadan yang baharu saja meninggalkan kita itu adalah merupakan sebagai bulan latihan bagi mengawal kehendak hawa nafsu dan melatih jiwa dan hati kita, meresapkan segala kelebihan dan tata cara hidup yang tinggi dan murni kerana ibadah puasa selama sebulan itu telah mengajar kita mendampingkan diri kepada Allah serta membersihkan jiwa dan sabar kita dari segala sifat-sifat keji seperti berkata dengan sia-sia, bercakap bohong, mengumpat, memaki-hamun dan seumpamanya, sebaliknya kita diasuh untuk mengamalkan

sifat-sifat 'mahmudah' seperti sabar, bercakap benar, membanyakkan sedekah dan sebagainya. Kita berharap semoga dengan latihan itu kita akan terus mengamalkan sifat-sifat yang terkeji dari diri kita masing-masing supaya kita semua dapat menjadi hamba Allah dan mengharap keredaan jua.

Hari raya puasa adalah salah satu hari gembira dan bersuka-ria bagi penganut agama Islam, dalam hubungan ini kita perlulah ingat dan faham benar-benar sukat-sukat kesukaan dan kegembiraan yang dibenarkan oleh Islam di hari raya yang mulia ini.

Kemuliaan hari raya sangatlah berbeza dari kegembiraan dan kesukaan hari-hari perayaan yang lain — kegembiraan dan kesukaan orang Islam di hari raya ini bukan hanya untuk melahirkan rasa gembira yang bersifat lahiriah semata-mata seperti mengadakan jamuan yang istimewa, kelengkapan rumah yang indah-indah, pakaian yang cantik-cantik dan baru dan sebagainya tetapi yang lebih penting itu



ialah melahirkan rasa kepuasan rohani atau jiwa yang akan menambahkan ketakwaan dan keimanan dan kesyukuran kepada Allah setelah selesai menjalani ibadah puasa sebulan Ramadan.

Oleh hal yang demikian dalam suasana kita bergembira dan bersuka ria di hari raya ini — maka wajiblah bagi kita umat Islam menghindarkan perkara yang dapat dianggap melanggar prinsip bersyukur dan bertakwa kepada Allah.

Kalau perbuatan yang seumpama ini kita buat juga, maka bererti kita telah meruntuhkan ketakwaan yang kita telah semai dalam diri

kita masing-masing menerusi ibadah puasa yang kita telah laksanakan selama sebulan yang lalu.

Tegasnya untuk menjaga kesan ibadah puasa yang telah mengangkat ketakwaan dan kesyukuran kita kepada Allah maka hendaklah kita sentiasa menjaga hukum halal dan haram dan menghindarkan perkara yang boleh mendatangkan maksiat dan dosa yang menyebabkan kemurkaan Allah.

Sewajarnya kita sentiasa mengambil kira garis lunas-lunas kesalahan dan jangan sekali melintasi garis-garis itu semasa kita merayakan hari raya yang mubarak ini atau hari-hari lain.

EMPAT DIDENDA KERANA TIDAK MENGHORMATI RAMADAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Kadi Daerah Belait telah menjatuhkan denda kepada 2 orang lagi kerana menghisap rokok di khalayak ramai dalam bulan puasa ini. Mereka ialah Awang Adenin bin Mat Salleh dan Awang Hamdani bin Abd. Hamid, kedua-duanya berasal dari Kuala Belait dan didenda sebanyak \$200.00 tiap-tiap seorang.

Sementara itu Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara pula, juga telah menjatuhkan denda sebanyak \$200.00 tiap-tiap seorang kepada Awang Moinuddin kerana minum di khalayak ramai dan kepada seorang penjual dari kedai makan C.A. Mohammad & Son kerana bersubhat menjual minuman dalam bulan puasa ini. Kedua-dua mereka berasal dari Jalan Tutong.

ganda. Jadi, jika seorang itu telah berpuasa Ramadan selama 30 hari ini bermakna ia telah berpuasa 300 hari kerana ia mendapat 300 ganda kebajikan. Kemudian apabila ia berpuasa pula sesudah menamatkan Ramadan iaitu puasa sunat enam hari dalam bulan Syawal ia memperoleh 60 kebajikan iaitu 60 hari, jadi jumlah semuanya ialah 360 hari iaitu menyamai dengan hitungan/kiraan tahun Qamariyyah. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Sesiapa yang berpuasa 6 hari selepas hari raya, ia telah menggenapkan puasanya setahun penuh kerana sesiapa yang melakukan satu kebajikan baginya 10 kebajikan yang serupa iaitu ganjaran 10 kali lipat."

Rasulullah amat tidak menggalakkan umatnya berpuasa tanpa sungkai-sungkai iaitu berpuasa setahun penuh kerana ini boleh menyebabkan puasanya tidak berinisiatif untuk mengusahakan kehidupan duniawinya bagi kepentingan akhirat. Walau bagaimanapun cita-cita mereka itu tercapai dengan mengerjakan amal sunat seperti puasa enam ini.

Cara mengerjakan puasa enam

Menurut pendapat ulama adalah lebih afdal, lebih utama puasa enam dalam bulan Syawal ini dikerjakan secara berturut iaitu 6 hari

berturut-turut setelah hari raya iaitu dimulai pada 2 Syawal sehingga 7 Syawal. Bagaimanapun boleh jika kita mengerjakannya secara berselang-selang, terpisah-pisah. Waktu bagi mengerjakan puasa ini bermula pada 2 Syawal sehingga akhir bulan tersebut, jadi bolehlah kita memilih puasa enam hari sepanjang bulan tersebut.

Pendapat ulama dalam menentukan masa mengerjakan puasa enam ini ada 3 macam:—

1. Mengerjakan terus selepas hari raya dengan beriring-iring (tidak berselang-selang).
2. Mengerjakan beriring-iring atau bercera-cera dalam bulan syawal.
3. Tidak dikerjakan terus sesudah hari raya hanya dikerjakan pada hari ke 3 hari sebelum hari putih (10, 11, 12 hari bulan Syawal) dan pada 3 hari putih (13, 14, 15 Syawal) atau pada 3 hari selepas hari putih (16, 17, 18).

Niat:

(Sahaja aku puasa 6 hari dalam bulan Syawal sunat kerana Allah Taala).

Islam galakkan puasa 6 dalam bulan Syawal

Kelebihan

Dari Ibn Umar, Rasulullah bersabda: (Siapa yang puasa Ramadan kemudian diikuti dengan puasa enam hari dalam bulan Syawal, ia dihapuskan dari dosa-dosanya seperti keadaan baru dilahirkan).

(Siapa yang berpuasa 6 Syawal, Allah meringankan penderitaannya ketika menghadapi sakratul-maut seperti mudahnya orang yang dahaga minum air sejuk).

(Sesiapa yang berpuasa di enam hari dalam bulan Syawal, maka Allah mencatat baginya kebaikan sebanyak bilangan makhluk yang telah diciptakan-Nya dan menghapuskan semua kejahatannya serta mengakhirkannya pula akan darjatnya).

Cerita: Syufian As-Thauri bercerita: — Saya menetap di Mekah selama 3 tahun, saya mendapati seorang lelaki penduduk Mekah sering datang ke Baitullah setiap waktu Zuhur, bertawaf dan Shalat, ia selalu memberi salam kepada saya sehingga kami saling kenal-mengenal dan

menjadi rapat. Suatu hari dia jatuh sakit, lalu dia memanggil saya berpesan: "Kalau saya meninggal, uruskanlah jenazah saya dan bermalamlah di kubur saya sambil mengajarkan kalimat tauhid. Apabila ia meninggal, pesannya itu saya penuhi. Ketika saya berjaga di kuburnya saya tertidur dan bermimpi: "Tidak perlu mayat ini kau jaga dan ajari kalimat tauhid." "Mengapa?" "Sebab masa hidupnya dia berpuasa bulan Ramadan dan puasa 6 Syawal."

Kerana was-was mungkin mimpi itu bisikan syaitan, saya bangun berwuduk dan tertidur kembali dan mimpi sedemikian berulang sehingga 3 kali. Baharulah saya yakin, mimpi itu dari Allah lalu saya tinggalkan kuburnya sambil berdoa:

(Ya Allah berilah saya pertolongan untuk mengerjakan puasa bulan Ramadan dan mengiringi dengan puasa 6 di bulan Syawal).

Di antara faedah mengerjakan puasa enam ialah:

1. Bahawa puasa enam di

bulan Syawal, memberikan pahala puasa sepanjang masa.

2. Puasa enam itu sebanding-serupa dengan sunat rawatib sesudah shalat fardu untuk menyempurnakan kekurangan-kekurangan yang berlaku pada puasa fardu, kerana fardu itu dapat ditambah/ditampal kekurangan-kekurangannya oleh perbuatan/amalan sunat di hari kiamat.

3. Mengulangi puasa sesudah puasa Ramadan menjadi tanda diterima puasa Ramadan, kerana Allah apabila menerima amal seorang hamba-Nya, mentaufikkan hamba itu kepada mengerjakan lagi sesuatu amal salih.

4. Berpuasa enam itu sebagai tanda mensyukuri nikmat Allah yang telah diberikan kerana Ramadan.

5. Amal yang dilakukan bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah di bulan Ramadan tidak terhenti dengan berakhirnya Ramadan, malah kekal kerana kita mengiringkan puasa Ramadan dengan puasa 6.

Menuju Keredaan Allah

DI ANTARA puasa yang digalakkan oleh Islam ialah puasa 6 hari dalam bulan Syawal.

Islam sememangnya menggalakkan umatnya memperbanyakkan amal puasa sunat kerana dengan amal tersebut bererti kita terus menerus mendidik jiwa dan rohani kita supaya sentiasa mentaati perintah Allah Subhanahu Wataala. Berhubung dengan puasa enam hari dalam bulan Syawal, yang selalu kita sebut sebagai puasa enam hukumnya adalah sunat, dalam hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Siapa yang puasa Ramadan kemudian diiringi pula dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal, maka seolah-olah ia berpuasa sepanjang tahun."

Berlakunya kedudukan yang demikian itu ialah kerana menurut pandangan Islam, setiap kebajikan, kebaikan yang dilakukan akan mendapat ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wataala sebanyak 10 kali

Khutbah Hari Raya Aidilfitri

Khutbah Pertama :

Allahu Akbar Allahu Akbar
Allahu Akbar

ALHAMDULILLAH kita mengucap syukur dan bertasbih serta bertahmid kerana hari ini ialah hari yang telah dijadikan oleh Allah Subhanahu Wataala sebagai hari kebesaran, hari kemenangan dan hari kegembiraan yang patut disambut dan dirayakan dengan kemeriahannya yang setanding dengan harga dan nilai yang dikurniakan oleh Allah itu, tidak lebih dan tidak kurang.

Kita pada hari ini berkumpul di rumah Allah dengan hati yang penuh khushuk, tawaduk, badan yang bersih dan suci dan tujuan yang satu iaitu semata-mata kerana menunaikan perintah Allah demi mengharapkan keampunan dan demi supaya kita dijadikan hamba-Nya yang berjaya dalam kehidupan dunia dan kemudiannya di akhirat.

Maka sangat patut kita berusaha lebih kuat demi menjamin kedudukan yang sentiasa akan dikurniakan oleh Allah kepada kita jikalau kita benar-benar insaf akan banyak lalainya kita manusia, banyak kurangnya kita beramal ibadat kepada Allah, berbanding dengan berapa banyak nikmat dan kurnia Allah kepada kita sehingga tidak dapat kita perhitungkan dan perbandingkan.

Pada hari ini kita bertakbir memuji kebesaran Allah dan mengakui keagungan-Nya yang memberi kita taufik dan

supaya dapat bersama dalam golongan saudara-saudaranya yang berjaya itu.

Allahu Akbar Allahu Akbar
Allahu Akbar

Sebenarnya hari raya ini bukan sahaja dirayakan orang, kita manusia bahkan dirayakan sama segala isi langit oleh para malaikat yang dengan perintah Allah turut bergembira. Kegembiraan kita di bumi bererti juga kegembiraan di langit seperti yang diterangkan dalam sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Saad bin Aus Al-Ansari yang diriwayatkan oleh At-Tabarani yang ertinya:

"Apabila tiba waktu hari raya Aidilfitri berdirilah para malaikat di muka-muka jalan lalu mereka memanggil-manggil wahai orang Muslimin pergilah mengadap Tuhan Yang Maha Pemurah yang mengurniakan kebajikan kemudian memberi pahala dengan banyak kerana kamu telah diperintahkan bangun malam (bersembahyang malam) dan kamu diperin-

diterangkan dalam surah Al-Baqarah ayat 185 dan 186 yang tafsirnya :

"Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran. Menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) pada bezanya antara yang benar dan yang salah. Oleh itu barangsiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan atau mengetahui maka hendaklah ia berpuasa bulan itu. Dan barangsiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah dia berbuka) kemudian wajib ia berpuasa sebanyak hari yang ia tinggalkan itu pada hari yang lain (dengan ketetapan itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemurahan dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukahan. Dan supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan) dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk dan

Taala memberitahu kita melalui Rasul-Nya Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa Allah Taala akan memperkenankan doa dan permohonan mereka itu, doa itu pada dasarnya adalah supaya mereka itu menjadi orang yang baik, yang waras dalam segala tingkah laku, mesti taat menjalankan perintah Allah dan tetap beriman kerana inilah sebenarnya yang patut menjadi dasar permohonan dan kehendak setiap orang Mukmin, menjadi cita-cita yang diperjuangkan dalam kehidupan.

Sebab itu pada hari ini disunatkan dan dituntut kita berdoa banyak-banyak minta ampun kepada Allah bertakbir dan berzikir supaya sentiasa takbir dan zikir itu menghidupkan semangat perjuangan melalui hawa nafsu dan godaan iblis di bulan Ramadan untuk dijadikan teras pada akan datang sehingga tiba bulan Ramadan yang lain. Jangan kita kembali kepada perangai lama yang mementingkan hal makan minum — urusan duniawi kerana memenuhi kehendak hawa nafsu semata-mata jikalau kita sudah berjaya menundukkan hawa nafsu dan syaitan pada bulan puasa mengapa kita tidak boleh berbuat demikian pada bulan-bulan yang lain.

Sayidina Umar bin Abdul Aziz Al-Amawi berkata, elok di antara doa kita pada hari raya itu ialah ayat-ayat Al-Quran iaitu doa bapa kita Sayidina Adam (Rabbana Zalamna anfusana Wainlam tagfirilana watarhamna latakunnana minalhasyrin) (fagfirilana warhamna waanta arhamarrahimin) sebanyak 40 atau 70 kali atau doa Nabi Ibrahim Alaihissalatul Wasallam (Wallazi atma'ayyagfirli hatihati waumadin) sebanyak 30 kali dan doa Nabi Musa Alaihissalam (Rabbi inni zalantu nafsi, fagfirli faghafirlahu) sebanyak 20 kali dan doa Nabi Yunus Alaihissalam (Lailaha illaanta subhanaka innikuntu minazzhalimin).

Allahu Akbar Allahu Akbar Allahu Akbar.

Eloklah kita menumpukan ingatan kepada Allah yang mengurniakan nikmat-Nya kepada kita pada hari ini dan dengan mengingat bahawa hari ini sebenarnya adalah hari ugama yang berhubung rapat dengan soal pahala dan dosa, syurga dan neraka. Ia ditetapkan oleh Allah dan diterangkan semula oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Merayakan hari

ini menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Allah itu adalah ibadat. Hari ini bukan hari semata-mata kerana dan kegembiraan kosong disambut kerana sejarahnya atau kerana fahaman politik, kebangsaan atau lain yang bersifat benda dan duniawi. Jikalau semata itu maka apalah munasabahnya ia dinamakan hari penyampai hadiah oleh Allah dan turut diraikan oleh para malaikat dan segala isi langit. Maka ia mesti dilainkan daripada hari raya orang lain kerana asalnya ia diadakan juga bertujuan lain. Jikalau sifat keagamaan itu diringankan dan sifat sebaliknya dibanyakkannya apakah pula munasabahnya Allah menjadikan hari ini sebagai hari untuk memperkenankan segala doa. Garis pandu merayakan hari raya ini disebutkan dalam sebuah hadis yang ertinya:

"Hendaklah kamu bersungguh-sungguh pada hari raya fitrah ini pada membuat sedekah-sedekah dan amal kebajikan seperti sembahyang, mengeluarkan zakat, bertasbih dan mengucap Lailahailallah kerana inilah hari Allah mengampunkan dosa-dosa kamu dan memperkenankan doa kamu dan memelihara kamu dengan rahmat-Nya."

Cara yang sedemikian ini adalah sangat sesuai dan dituntut kerana kita umat Islam adalah umat yang menjadi contoh ikutan orang lain dalam serba-serbi, tempat sepatutnya orang lain menjadikan kita dasar perbandingan mereka dalam kehidupan seperti firman Allah dalam Surah Ali-Imran ayat 110 yang tafsirnya:

"Adalah kamu sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu beriman kepada Allah."

Inilah dia sifat yang asas yang mesti ada pada orang mukmin dalam setiap ketika, suka atau duka, mereka melakukan sesuai untuk menggalak dan memperkembangkan kebajikan pada masa yang sama itu juga mereka berusaha membuang segala keburukan dalam keadaan kedua-duanya itu mereka tetap ingat dan takut kepada Allah. Umat Islam adalah umat pilihan Allah sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 14 yang tafsirnya:

"Dan demikian (sebagaimana) Kami telah memilih kamu sebagai umat yang lurus) Kami jadikan kamu suatu umat pilihan yang adil supaya kamu lain (dari pada) orang-orang yang memberi keterangan palsu sebagai (saksi) atas diri mereka (tentang kebenaran dan salah) dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pula menjadi orang yang menerangkan kebenaran (kebaikan) buatan kamu."

Dalam hal ini ibadat telah dapat mengaitkan dengan ketulusan dan keikhlasan amal kita semata-mata kerana Allah dengan kekerasan dalam peraturan dan mengaitkan kita umat yang bersemangat, tahan banting mengatur kehidupan dengan sempurna, menaga nilai minum, percakapan, sikap, perasaan dan lain-lain sikap dan sifat inilah yang dapat dijadikan contoh kepada orang lain.

Ketinggian sesuatu itu ialah kerana sifatnya yang tinggi yang diambarnya dari suruhan ugama dan bersesuaian dengan itu kerana majoriti dalam kita di Brunei adalah golongan muda, maka kita memikirkan seumpamanya adalah di dalam golongan muda — kerana mereka akan menjadi gambaran keadaan umat Islam. Bagaimanakah golongan muda akan menjadi lambang contoh ketinggian ugama dan keteguhan disiplin ugama Islam kalau keadaan mereka diuciri oleh dadah umpamanya atau peraga-paga umpamanya?

Senghaja kita sentiasa perkara ini dalam masa kita menyambut hari besar ini, mula dan berkat untuk menjadi bahan peringat sebelum dia menjadi 'epidemic' merosakkan harapan hidup kita kerana dalam sambutan majlis-majlis di hari raya tentulah ada unsur dadah atau unsur pugut akibat klenyutan dadah dalam serba-benda akan keluar dan menjadi padang yang mengaitkan mengeluarkan golongan muda kita daripada batas waras yang telah diperingatkan dalam hadith-hadith sebelum ini.

Pada hari yang beres elok kita semua mengaitkan perhatian mengenai perkara ini dengan sedalamnya mudah-mudahan Allah dapat tetap menerima doa kita dan mengampunkan dosa kita yang dahulu dan yang kemudian.

hidayat menjadikan kita orang-orang yang berjaya dan teguh pendirian dan tetap hati menghadapi segala cabaran yang senghaja dipasangkan oleh Allah untuk mencuba pendirian kita seperti firman-Nya dalam Surah Muhammad ayat 31 yang tafsirnya:

"Dan demi sesungguhnya Kami tetap menguji kamu sehingga ternyata pengetahuan Kami tentang adanya orang-orang yang berjuang dari kalangan kamu dan orang-orang yang sabar (dalam menjalankan perintah Kami) dan sehingga (benar atau tidaknya) berita-berita tentang keadaan kamu."

Kepada orang-orang yang telah berjaya maka sudah semestinya mereka bergembira sedangkan orang-orang yang lalai maka hendaklah mereka melihat kepada diri menyukat dan membanding dengan keinsafan untuk memperbaiki kesalahan dan kekurangan

tahan puasa pada siangnyanya lalu kamu puasa dan kamu taat kepada Tuhan kamu. Maka sambutlah hadiah-hadiah kamu. Kemudian apabila orang-orang Mukmin itu sembahyang hari raya ada satu suara memanggil: Demi sesungguhnya Tuhan kami telah mengampunkan dosa-dosa kamu maka hendaklah kamu kembali dalam keadaan yang waras kepada hal-ehwal kamu seperti sedia kala (tidak lagi membuat kesalahan). Hari ini ialah hari penyampaian hadiah. Dan hari ini juga dinamakan hari penyampaian hadiah di langit, beramal ibadat kepada Allah, berbanding dengan berapa banyak nikmat dan kurnia Allah kepada kita sehingga tidak dapat kita perhitungkan dan perbandingkan."

Demikianlah kemuliaan hari raya. Sebab itulah di antara banyak keistimewaan pada hari raya ini ialah Allah memperkenankan segala doa orang Mukmin seperti yang

supaya kamu bersyukur."

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (mengenai Aku) ditegah beritahu kepada mereka) sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka). Aku perkenankan permohonan mereka orang-orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada Aku maka hendaklah mereka menaruh seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada Aku supaya mereka menjadi baik serta betul."

Kedua-dua ayat ini sambung ertinya Allah Taala menyuruh kita menjalankan perintah-Nya dengan berpuasa cukup sebulan dengan tujuan kita membesarkan Allah kerana kita diberi petunjuk dengan berpuasa bererti kita bersyukur kepada Allah dengan menjalankan perintah-Nya.

Sesudah kita bersyukur, berpuasa sebulan maka Allah

Khutbah Hari Raya Aidilfitri

Khutbah Kedua :

ZAKAT FITRAH PEMBERSIH

ORANG BERPUASA

Allahu Akbar Allahu Akbar
Allahu Akbar, Allahu Akbar
Allahu Akbar Allahu Akbar,
Allahu Akbar Allahu Akbar
Walilla ilham

Di Hari Raya ini di samping kita sendiri merayakan hari kebesaran ugama yang mana boleh menjadi ibadat merayakan hari ini, kita diwajibkan pula oleh ugama Islam berkongsi perasaan dan keadaan dengan orang lain yang terdiri daripada saudara-saudara kita yang kurang bernasib baik dengan mengeluarkan zakat fitrah.

Zakat fitrah harus dikeluarkan pada sejak awal bulan Ramadan lagi dan jangan lewat daripada sebelum sembahyang Hari Raya.

Orang-orang yang mengeluarkan zakat fitrah dikira sebagai orang yang berjaya, iaitu setelah mereka berpuasa sebulan lamanya seperti yang disebutkan dalam surah Al-A'laa, tafsirnya:

"*Sesungguhnya berjaya ialah orang yang setelah menerima ingatan itu berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang salih dan menyebut dengan lida dan hatinya akan nama Tuhannya dan mengerjakan sembahyang dengan khusyuk).*"

Maka sepertimana maksud diperkatakan (tazki) iaitu berusaha membersihkan

dirinya, maka demikianlah zakat fitrah adalah dianggap sebagai amal ibadat yang membersihkan dan mencukupkan puasa. Ini bererti amal ibadat puasa tidak dikira cukup bersih untuk diterima di hadapan Allah kecuali jikalau seseorang itu mengeluarkan zakat fitrah menurut syarat yang telah ditetapkan. Berkata Sayidina Anas bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang ertinya:

"*Bulan puasa (pahala beramal ibadat di dalamnya) tergantung-gantung di antara langit dan bumi dan tiada akan diangkat kepada Allah melainkan dengan adanya zakat fitrah.*"

Tujuan zakat fitrah itu ialah untuk membersihkan kekotoran, kesalahan dan kekurangan yang dilakukan oleh seseorang itu dalam masa ia melakukan ibadat puasa. Kita harus ingat di dalam masa berpuasa itu kadangkala terdapat seseorang melakukan perbuatan makruh, bercakap sia-sia dan lain-lain, yang sepatutnya tidak dilakukan. Maka puasa yang kurang pahala itu ditampal dengan zakat fitrah tadi, sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang

diriwayatan oleh Ibnu Abbas yang ertinya:

"*Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mewajibkan zakat fitrah sebagai pembersih orang yang berpuasa daripada perkara-perkara sia-sia dan kesilapan dan sebagai habuan kepada orang-orang miskin, maka barangsiapa yang mengeluarkannya sebelum waktu sembahyang maka dikira sebagai zakat yang diterima dan barangsiapa yang mengeluarkannya sesudah sembahyang maka itu hanya dikira sebagai salah satu sedekah biasa (bukan zakat).*"

Jadi ibadat puasa dan zakat itu berhubung rapat di antara satu dengan lain, yang satu memperkuat dan memperengkap yang satu lagi, tiada akan diterima yang satu melainkan adanya syarat yang satu lagi.

Demikianlah kita umat Islam dalam kehidupan kita tidak boleh kita hidup dengan bersikap bersendirian, seunggul-unggul bahkan jadilah sebagai ibadat puasa dengan zakat, pandai memberi dan menerima, menyokong dan disokong kerana demikianlah Islam menyuruh kita bersatu padu, tolong-menolong antara seseorang dengan saudaranya yang lain. Tiada ada seseorang walau bagaimanapun kedudukannya akan dapat bertindak dengan bersendirian melainkan perlu ia juga kepada pertolongan orang lain. Ini terkandung dalam hadis riwayat Muslim daripada Abi Hurairah yang bererti:

"*Barangsiapa menghilangkan satu kesusahan daripada kesusahan dunia daripada seseorang Mukmin, maka Allah akan menghilangkan daripadanya*

kesusahan daripada kesusahan-kesusahannya di hari kiamat, barangsiapa melapangkan hal diri seseorang yang susah maka Allah akan melapangkan hal diri seseorang itu di dunia dan di akhirat. Barangsiapa menutupi (memberi pakaian) seseorang Islam maka Allah akan memberi pakaian kepadanya di dunia dan di akhirat, Allah sentiasa memberi pertolongan kepada seseorang hamba-Nya itu apabila hamba-Nya itu sentiasa memberi pertolongan saudaranya."

Pada hari ini akan ternampak kepada keadaan yang disebutkan di dalam hadis ini, dalam keadaan kita girang gembira kerana hari yang mulia ini bersempena pula dengan kemenangan ke atas musuh manusia yang besar iaitu nafsu, maka semoga perasaan itu akan dilaratkan kepada semua anggota masyarakat umat untuk sama meraiikan mengikut keadaan diri masing-masing sehingga tiada ada satu golongan yang bertiada dan tiada pula ada satu golongan yang sampai merasa dirinya tiada. Sikap ada ini selalunya membuahkan perpecahan dan pertentangan dalam masyarakat yang akhirnya akan menerbitkan pula kelemahan dan tidak bersatu padu — sedangkan umat Islam disuruh bersatu padu dan bekerjasama dalam membuat amal kebajikan sehingga dengan demikian, tiada ada orang boleh merasa lebih tinggi daripada yang seseorang lagi dan tiada pula seorang yang rendah kedudukannya itu merasa serba kurang, sehingga tidak

"Tiada ada kebajikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka kecuali (bisikan-bisikan) orang menyuruh bersedekah dan berbuat kebajikan atau mendamaikan di antara manusia."

boleh bercampur gaul sebagai anggota masyarakat yang mempunyai peranan masing-masing. Bagi ugama Islam keadaan seperti itu tidak wujud dan tidak boleh diwujudkan kerana ia merbahaya bagi pembangunan umat daripada semua segi. Orang Islam sentiasa digalakkan berkasih sayang semata-mata kerana Allah. Berkasih sayang itu salah satu daripada tanda iman seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Abi Hurairah diriwayatkan oleh Muslim yang bererti:

"*Tiada akan kamu masuk syurga sehingga kamu beriman dan tiada akan kamu beriman sehingga kamu berkasih sayang. Mahukah kamu saya tunjukkan kepada kamu suatu perkara yang jikalau kamu perbuat nescaya kamu akan berkasih sayang — iaitu sebarikanlah Islam di antara kamu.*"

Allah Subhanahu Wataala telah menerangkan pula di dalam Surah An-Nisa ayat 114 tafsirnya:

"*Tiada ada kebajikan pada kebanyakan bisikan-bisikan*

mereka kecuali (bisikan-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah atau berbuat kebajikan atau mendamaikan di antara manusia, dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami (Allah) akan memberi kepadanya pahala yang amat besar."

Masalah dadah tanggungjawab bersama masyarakat



SEBAHAGIAN daripada umat Islam dan perempuan yang berhimpun di perkarangan Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara untuk sama-sama menunaikan sembahyang Hari Raya Aidilfitri.



Sumbangan derma

BEKAS ketua rombongan dan peserta-peserta Kapal Belia Asia Tenggara 1986 telah memberikan sumbangan derma sebanyak \$500.00 kepada Tabung Anak-Anak Yatim. Derma tersebut telah disampaikan oleh Dk. Zaliha Pg. Sulaiman, wakil bekas peserta Kapal Belia Asia Tenggara 1986, yang juga disaksikan oleh bekas ketua rombongan Md. Taib Hj. Othman dan beberapa orang bekas peserta Kapal Belia 1986 kepada Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad. Majlis penyampaian derma tersebut telah diadakan di Pejabat Pengarah jabatan berkenaan pada 26 Mei, 1987 lalu. (Gambar atas sumbangan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan).

Lapangan penyelidikan dialek diperlukan oleh negara

BANDAR SERI BEGAWAN — Lapangan penyelidikan dialek sangat diperlukan oleh negara kita memandangkan penggunaan dialek oleh generasi muda semakin berkurangan.

Kontraktor didenda \$20 ribu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Tinggi di sini telah mengenakan denda \$20,000.00 atau 12 bulan penjara jika gagal membayar denda kepada Dayang Fattmah binti Hassan, seorang warganegara Brunei.

Dayang Fattmah binti Hassan, seorang kontraktor pembinaan yang berumur 29 tahun, telah mengaku salah di atas 4 tuduhan pemalsuan dengan tujuan untuk menipu di bawah Bab 468 Kanun Keseksan di Mahkamah Tinggi di sini pada 26 Mei lepas.

Menurut laporan dari Biro Mencegah Rasuah Brunei, Dayang Fattmah telah memalsukan tandatangan salah seorang pelanggannya tanpa pengetahuan pelanggan tersebut untuk membolehkannya mengeluarkan bayaran peringat pembinaan dari Jabatan Perbendaharaan berjumlah \$31,500.00 berhubung dengan rumah pelanggan tersebut yang sedang dalam pembinaan.

Oleh Bolhassan HAB

Ini telah ditegaskan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi ketika menutup rasmi kuliah penyelidikan dialek yang berlangsung di Balai Pameran DBP di sini pada 28 Mei lepas.

Menurutnya kajian atau penyelidikan ini mulai dirasa penting oleh para sarjana Eropah apabila ilmu bahasa atau linguistik moden mulai berkembang di mana pada akhir abad ke sembilan belas telah timbul saranan supaya lima dialektologi dijadikan sebagai satu pendekatan untuk membuktikan teori-teori linguistik pada ketika itu.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka berkata bahasa standard atau bahasa baku di negara kita ialah bahasa Melayu yang mana pada hakikatnya merupakan salah satu dialek juga. Hanya kerana bahasa Melayu tidak terikat pada satu daerah tetapi terdapat di daerah-daerah lain di Nusantara maka bahasa Melayu terus hidup, berkembang dan maju.

"Tidak seperti bahasa-bahasa Kedayan, Dusun, Brunei atau lainnya yang hanya digunakan oleh satu kelompok masyarakat pada satu daerah tertentu yang berkemungkinan akan hilang sedikit demi sedikit atau akan jadi statik," kata Haji Ahmad.

Seramai lebih 20 orang peserta yang terdiri dari pegawai dan kakitangan dari Jabatan Dewan Bahasa dan

Pustaka, Pusat Sejarah dan Jabatan Muzium Brunei telah mengikuti kuliah yang berjalan selama hampir tiga bulan.

'Kuliah Penyelidikan Dialek' yang diungayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Prof. Dr. Bern. Nothofer melalui ihsan Universiti Brunei Darussalam itu telah bermula pada 5 Mac, 1987 yang lalu.

Majlis Khatam Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sebagaimana lazimnya suasana bulan Ramadan disambut dan diraikan dengan majlis-majlis keagamaan oleh setiap peringkat umat Islam di negara ini.

Baru-baru ini, PUTRA SENI, kumpulan belia yang bergiat cergas di bidang sastera dan pentas telah menganjurkan majlis khatam Al-Quran dan sembahyang tarawih bagi ahli-ahli kumpulan berkenaan di rumah Ketua I PUTERA SENI, Awang Muslim bin Haji Mohd. Yusof, di Kampong Lurong Sekuna.

Majlis itu telah diserikan dengan ceramah Nuzul Al-Quran yang disampaikan oleh Ustaz Ismail bin Sulaiman dari Pusat Dakwah Islamiah, di samping penyampaian hadiah kepada ahli terbaik 1987, Awang Rosman bin Panglima Raja Othman.

Bermesra dengan sistem metrik

PANDUAN MENGGUNAKAN SISTEM METRIK GRAM DAN KILOGRAM

Unit gram (g) adalah sebagai ganti kepada tahlil dan aun.

Unit kilogram (kg) adalah untuk menggantikan tahlil paun.

100 g = 1 kg
1 kati = 605 g
1 paun = 453 g

Seperti yang awda maklumi pada masa ini di pasar dan kedai-kedai runcit terdapat dua harga yang berbeza iaitu harga kati dan harga kilogram. Tujuan kami menulis ini adalah untuk membiasakan diri awda membandingkan harga barang-barang lama dan harga dalam timbangan metrik. Ketahuilah apabila masa pemahaman ini akan berakhir hanya satu harga saja yang akan dibenarkan kepada pembeli untuk membubuh iaitu harga dalam satu kilogram. Sebelum kita menuju ke masa tersebut awda diharapkan sekarang membeli dalam metrik (kg).

jika biasa membeli

1 kati
1/2 kati

atau

membelilah selalu dalam timbangan 1 kg. Akan lebih murah harganya mahal dan terlalu banyak mintalah 1/2 kilogram.

Cara mendapatkan harga 1 kg ialah

1 kg = 1 kati 10.4 tahlil = 26.4 tahlil
= 26.4/16
= 1.65 kati

Jika awda memerlukan sebarang maklumat mengenai Sistem Metrik bolehlah menghubungi Pejabat Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Negeri atau telefon 44660.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Lumapas	8.6.1987	Isnin	9.30-10.30 pag
Sekolah Rendah Junjungan	8.6.1987	Isnin	9.00-10.00
Sekolah Rendah Panchor Murai	8.6.1987	Isnin	10.15-11.15
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Rendah)	8.6.1987	Isnin	2.00- 3.00 pm
Sekolah Agama Kampong Perpindahan Berakas	8.6.1987	Isnin	3.30- 4.30
Sekolah Rendah OKBI Subok	9.6.1987	Selasa	8.30- 9.30 pag
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	9.6.1987	Selasa	10.30-11.30
Bolkiah Garrison	9.6.1987	Selasa	10.00-11.00
Sekolah Rendah Serasa	10.6.1987	Rabu	9.45-10.15 pm
Sekolah Rendah Mentiri	10.6.1987	Rabu	10.30-11.00
Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar	10.6.1987	Rabu	11.15-11.45
Sekolah Rendah Pulaie	10.6.1987	Rabu	9.30-10.30
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	11.6.1987	Khamis	10.00-11.00
Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar	13.6.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pag
Penjara Jerudong	13.6.1987	Sabtu	9.45-10.45
Sekolah Rendah Mulaut	13.6.1987	Sabtu	11.00-12.00
Sekolah Rendah Birau	13.6.1987	Sabtu	1.30- 2.30 pm
Sekolah Rendah Kiudang	13.6.1987	Sabtu	2.45- 3.45
Sekolah Rendah Lamunin	13.6.1987	Sabtu	4.00- 5.00



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai di Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai untuk membeli harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 28 Mei, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN

- 1) Telur Ayam Tempatan sepapan \$4.50.
 - a) Kedai Eng Leong (Teck Kee) No. 8 Jalan McArthur.
- 2) Tepung Gandum (Prima) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.
- 3) Tepun Beras (Cap Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

- 1) Telur Ayam Tempatan sepapan \$5.00.
 - a) Kedai Koh Kit Hin No. 28, Jalan Pretty.
- 2) Tepung Gandum (Prima) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.

- a) Yun Seng Trading 84 Jalan Bunga.
- 3) Tepun Beras (Cap Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Teo Hing Hing No. 45, Jalan Pretty.

SERIA

- 1) Telur Ayam Tempatan sepapan \$4.50.
 - a) Kedai Yuan Ho Hing No. 49 Jalan Bunga Kuning.
- 2) Tepung Gandum (Prima) 1 kilogram \$1.10/1 kati 65 sen.
 - a) Chop Koh Seng Heng No. 17, Jalan Sultan Omar.
- 3) Tepun Beras (Cap Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Chin Seng Hing No. 3 Jalan Sultan Omar.

UGAMA ISLAM DIJADIKAN UGAMA RASMI NEGARA MENURUT PERLEMBAGAAN 1959

(Sambungan minggu lalu)

British Residen

Kemudian Brunei diletakkan di bawah perlindungan Great Britain berdasarkan satu perjanjian yang dibuat pada tahun 1888, disusuli oleh perjanjian yang dibuat pada tahun 1906 yang mana Brunei menerima seorang pegawai British yang bergelar residen, dan nasihat residen itu mestilah diperolehi dan dipatuhi dalam semua perkara di Brunei, melainkan perkara-perkara yang mengenai agama Islam⁽³²⁾. Di bawah sistem residen itu, diperkenalkanlah beberapa undang-undang, di antaranya mengenai orang-orang Islam, seperti Undang-Undang Muhammedan Law pada tahun 1912, Undang-undang itu memperuntukan beberapa kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang Islam dan hukuman-hukuman mengenainya. Sudah tentunya hukum-hukum itu tidak menurut kehendak-kehendak agama Islam dan bertentangan dengan hukum-hukum di dalam Kanun Brunei. Dapatlah difahamkan bahawa Undang-Undang Muhammedan Law itu memansuhkan hukum Kanun Brunei, misalnya kalau Hukum Kanun Brunei mensyaratkan hukum berzina rejam bagi muhsan, sebat bagi bukan muhsan, maka dalam Muhammedan Law hukumannya ialah penjara satu tahun dan denda \$250.00 bagi lelaki dan penjara enam bulan bagi perempuan. Inilah salah satu musibat yang menimpa orang-orang Islam di bawah pengaruh dan tekanan kuasa asing yang bukan Islam.

Brunei Moden

Menurut sejarah moden, Brunei di bawah pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin⁽³³⁾, Ugaama Islam begitu bersinar kerana baginda berusaha dengan gigih pada meninggikan syiar Islam dan segala kegiatan dan perkembangan agama Islam itu menjadi salah satu keutamaan dalam zaman pemerintahan baginda, sehingga ugaama Islam itu ditulis dalam Perlembagaan Negara Brunei 1959 sebagai Ugaama Rasmi Negara⁽³⁴⁾. Kerasmian ugaama Islam itu diperkukuh dengan mensyaratkan di dalam perlembagaan itu supaya ketua pentadbir iaitu Menteri Besar dan pembantu-pembantu kanannya iaitu Timbalan Menteri dan Setiausaha Kerajaan hendaklah orang Melayu yang beragama Islam, Ahli Sunnah Waljamaah bermazhab Shafiee⁽³⁵⁾, diperkukuh lagi dengan adanya jawatan Penasihat Ugaama yang menjadi anggota Ex-Officio dalam Majlis-Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, dan Majlis Mesyuarat Negeri⁽³⁶⁾, ditambah lagi dengan jawatan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugaama iaitu pegawai yang kanan sekali dalam perkara-perkara ugaama⁽³⁷⁾. Pada zaman bagindalah diadakan Undang-Undang Majlis Ugaama Islam dan Mahkamah Kadi tahun 1955, dan pada zaman bagindalah disusun dan dilaksanakan dengan berkesan sekolah-sekolah ugaama yang bersistem dengan teraturnya, pada zaman bagindalah mula dan ramai pelajar-pelajar Brunei dihantar keluar negeri bagi mempertingkatkan ilmu pengetahuan ugaama dengan biaya kerajaan sepenuhnya, pada zaman bagindalah sekolah-sekolah menengah ugaama yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya dan maktab perguruan ugaama dibina dan dilancarkan dengan jayanya. Inilah di antara usaha dan warisan yang amat berharga dari jasa-jasa Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin. Jasa baginda di bidang ugaama Islam sangat gemilangnya.

Usaha-usaha baginda itu diterus dan diperkukuh lagi oleh Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekarang ini⁽³⁸⁾. Baginda bercita-cita untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan penuh dengan nikmat bagi keseluruhan penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam⁽³⁹⁾. Baginda juga bercita-cita hendak menjadikan Islam sebagai ideologi negara.

Islam Landasan Pemerintahan

Brunei berhasrat untuk terus memelihara ajaran-ajaran Islam menurut ahli sunnah waljamaah sebagai suatu cara hidup dan landasan kepada pentadbiran Kerajaan Brunei Darussalam sesuai dengan kedudukan ugaama Islam sebagai Ugaama Rasmi Negara, dan salah satu usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Brunei pada masa ini ialah untuk mempersaingkan⁽⁴⁰⁾ Undang-Undang Negara dengan kehendak-kehendak hukum Islam. Usaha tersebut tidaklah dapat dilaksanakan dengan secepatnya kerana Brunei masih kekurangan dari segi tenaga manusia yang berkemahiran di bidang tersebut, tetapi insya-Allah Kerajaan Brunei akan berusaha pada mendapatkan kemungkinan kepakaran termasuk latihan-latihan di bidang tersebut dari negara-negara Islam yang berpengalaman⁽⁴¹⁾.

Brunei dengan pengalamannya seperti yang telah dinyatakan serba sedikit dalam pidato ini, dengan bertawakal kepada Allah

Subhanahu Wataala dan memohon taufik dan hidayah-Nya jua, telah menyatakan dalam pengisytiharan kemerdekaannya pada 1 Januari 1984 yang lalu, bahawa Brunei ialah sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

Dugaan

Sebenarnya sejak tertubuhnya negara Islam yang pertama di Madinah, di bawah pimpinan Nabi Muhammad s.a.w. maka sesudah itu berdirilah negara-negara Islam di timur dan di barat, dan negara-negara itu menemui pasang surutnya, naik turunnya. Sebagai misal di India, saya sendiri turut menyaksikan kesan-kesan Islam seperti masjid-masjid, istana-istana, dan kota-kota yang melambangkan zaman keagungan Islam di India pada satu ketika, dan orang-orang India bangga dengan bilangan penduduk Islam yang kedua ramai bilangannya di dunia sesudah Indonesia, sungguhpun negara itu tidak diperintah oleh orang-orang Islam. Semasa saya melawat India dalam tahun 1983, pemandu saya memberitahu, setelah menyaksikan kesan-kesan Islam yang agung itu, bahawasanya besar kemungkinan kejatuhan Islam di India disebabkan oleh 3 W iaitu wine, woman, wealth (arak, wanita dan harta).

Demikianlah kecenderungan semula jadi manusia (lelaki) begitu bernafsu terhadap wanita, dan tamakkan harta kekayaan, Allah Subhanahu Wataala sudah memberi tahu di dalam Al-Quran bahawa manusia itu diberi perhiasan, berhasrat atau bernafsu, misalnya kepada perempuan, menyukai anak-anak, harta kekayaan yang banyak, terdiri dari emas dan perak, kuda yang bagus, binatang ternakan dan sawah ladang, semuanya itu adalah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allah ada tujuan hidup yang sebaik-baiknya.

Dengan kekayaan dan kemewahan yang bertimbun-timbun, kadang-kadang manusia lupa daratan, itulah di antara sebab yang membawa kejatuhan, Allah memperingatkan manusia bahawasanya nikmat yang diterimanya, nikmat kekayaan, nikmat kemewahan itu datangnya dari Allah.

Dan jika mereka ditimpa bahaya maka mereka hendaklah meminta kepada Allah.

Peribadi

Manusia ini sebenarnya begitu kecil dalam segala segi di hadapan Allah, kerana kekecilan itulah Nabi Muhammad diutus untuk menyempurnakan akhlak manusia, kerana akhlak sangat rapat hubungannya dengan martabat dan rebah bangun manusia itu di dunia ini. Sebab itu manusia perlu kepada budi pekerti, budi ialah akal sebagai alat untuk menimbang mana yang baik mana yang buruk, dan untuk menimbang mana yang benar dan mana yang tidak benar. Budi ialah sifat-sifat yang baik, ialah perbuatan-perbuatan yang baik dan perbuatan-perbuatan yang berkebaikan.

Di atas dasar-dasar budi pekerti itu dibentuklah peribadi, peribadi itu ialah keseluruhan sifat-sifat yang merupakan watak seseorang, sifat-sifat yang menjadi peribadi seseorang itu sebenarnya sudah sebat dengan dirinya sendiri umpama isi dengan kuku, umpama darah dengan daging. Peranan budi itu penting, kerana sesuatu peribadi itu ialah keseluruhan sifat-sifat dan sikap-sikap yang menentukan seseorang itu bertindak jika ia dihadapi oleh sesuatu keadaan, atau jika ia hendak menuju sesuatu.

Dalam Al-Quran kita dapat melihat sikap belia-belie yang beriman, iman mereka berkubar-kubar di dalam jiwa mereka,

UCAPAN balas YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Hj. Mohd. Zain bin Hj. Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugaama, Negara Brunei Darussalam di malam upacara peng-anugerahan ijazah Doktor Kehormat dalam bidang Ugaama Islam oleh Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta pada 10 April, 1987.



belia-belie itu ialah Ashabul Kahfi (Penghuni Gua) yang diceritakan oleh Allah, bahawa mereka ialah belia-belie yang beriman kepada Tuhan mereka (Allah) dan Allah menambahi mereka dengan petunjuk.

Dalam usaha membentuk tingkah laku, fikiran, perasaan, maka pendidikan yang berasaskan kepada ajaran-ajaran Islam adalah sangat penting. Dan tidak kurang pentingnya memelihara dan menjaga tabiat semula jadi generasi baru dari direksi dan dimasuki oleh anasir-anasir dan pengaruh-pengaruh yang tidak sihat⁽⁴⁵⁾. Mengapa mesti ajaran Islam itu yang ditonjolkan, walaupun untuk manusia lain yang bukan beragama Islam, kerana salah satu sifat Islam itu ialah ajaran-ajarannya mengandungi unsur-unsur universal, bagi kepentingan dan muslihat manusia sejagat, sebab Islam itu bukan ciptaan manusia, bahkan ia adalah ciptaan Allah.

Iman

Pendidikan memainkan peranan yang penting kepada pembentukan tabiat semula jadi generasi baru, iaitu golongan yang akan meneruskan perjuangan pada menegakkan kalimah Allah, kerana itu tabiat semula jadi mereka perlu dipelihara dan dijaga dengan cara melakukan di antara lain perkara-perkara berikut :

- Menyemai keimanan kepada Allah dan membimbingnya pada menyedari akan tanggungjawab yang mesti dipikulnya sebagai seorang mukallaf dan dihadapinya sepanjang hidupnya.
 - Memeliharanya dari perkara-perkara yang boleh mengganggu dan merosakkan pertumbuhan tabiat semula jadi itu.
 - Menyediakan kemudahan dan dorongan serta membimbing sehingga tabiat semula jadinya itu mencapai tahap kematangannya.
- Maka adalah perlu supaya pendidikan yang diberikan kepada generasi baru itu mendukung tiga tujuan besar :
- Mensebatikan ajaran-ajaran Islam dalam fikiran, perasaan dan tingkah laku mereka.
 - Menyedari dan mengamalkan ajaran-ajaran Islam sehingga mereka menjadi orang yang takwa.
 - Menjaga dan memelihara keperibadian mereka dari dimasuki oleh anasir-anasir dan pengaruh-pengaruh yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam.

Ancaman

Dunia kini terlalu cepat dipengaruhi oleh kemajuan-kemajuan dalam bidang sains dan teknologi, sehingga di antara lain, membawa ancaman kepada generasi baru, khususnya

Lihat muka 16



YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Hj. Mohd. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugaama (tengah) dengan pakaian jubah ijazah kedoktoran yang dianugerahkan kepada beliau duduk bersama Rektor IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta di sebelah kanan. (Gambar sumbangan KHEU).

ABDB berperanan penting mengekal ketenteraman dan keselamatan negara

ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) merupakan satu-satunya pasukan keselamatan yang ulung di Negara Brunei Darussalam. Ke arah inilah ABDB mempunyai peranannya yang penting mengekalkan ketenteraman dan keamanan.

Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ditubuhkan kira-kira 26 tahun yang lalu dengan pengambilan yang pertama seramai kira-kira 60 orang rekrut yang dilatih di Port Dickson, Malaysia, iaitu pada 31 Mei 1961 bersamaan dengan 16 Zulhijjah 1380 hari Rabu, di mana kesemua bakal perajurit Brunei telah tiba di sana diperintahkan menghadiri satu perkumpulan perasmian khas untuk penubuhan Askar Melayu Brunei.

Menurut sejarah di negara ini, tarikh tersebut adalah kebetulan dengan tarikh perpuspaan Al-Marhum Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien lebih tiga dekad yang lalu iaitu pada 31 Mei, 1951.

Mulai tahun 1964 barulah Askar Melayu Brunei ketika itu dilatih di tempat sendiri dan sehingga kini ABDB mempunyai 4,000 anggota termasuk pegawai dan peringkat lain, 110 daripada bilangan itu (1986), ialah anggota pinjaman dari Tentera British, Tentera Laut dan Tentera Udara British, yang sebilangan besarnya berjawatan dalam bidang teknikal. Di samping itu sebilangan pegawai yang berkemahiran bekerja secara kontrak. Menurut ABDB, polisi untuk menggantikan tenaga luar dan anak-anak tempatan sedang berjalan, tetapi masih memakan masa.

PERANAN PENTING ABDB

Bagi memelihara dan mempertahankan serta menjamin kesejahteraan negeri yang sudah mencapai 4 tahun mencapai kemerdekaan penuh, di antara peranan utama yang dibebankan kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ialah menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pemerintah ABDB dalam taklimatnya pada 31 Mac tahun lalu, bahawa angkatan ini sedang di dalam usaha memperbesar dan mempesatkan kemahiran dan latihan meningkat tahap dengan angkatan-angkatan lain di rantau ini. Beliau seterusnya menurunkan antara lain peranan ABDB masa kini.



PEGAWAI Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Mejar Jeneral Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Mohd. Daud.



PEGAWAI Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Kolonel Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Sulaiman bin Haji Damit.

b) Membantu pasukan Polis Diraja Brunei dalam gerakan keselamatan dalam negeri jika diperlukan.

c) Menjalankan serangan balas terhadap pemberontakan dari dalam dan luar negeri.

d) Bertahan terhadap pencerobohan luar (secara terhad).

e) Memberikan bantuan dan perkhidmatan awam.

- f) Hari kebesaran dan majlis beristiadat.
- g) Mencari dan menyelamatkan.
- h) Menempatkan Kompeni di Bangar.
- i) Rondaan di kawasan pantai dan perairan.

KEMUDAHAN ABDB

Tiap-tiap batalion telah dilengkapi dengan askar-askar berjalan kaki dengan kekuatan kira-kira 860 orang. Manakala di Batalion Pertama juga terdapat cawangan udara yang mempunyai lima skuadron yang dilengkapi dengan kira-kira 10 buah helikopter jenis Bell 212 yang

digunakan bagi satu-satu gerakan ketenteraan dan satu tempat ke satu tempat di samping mengangkat perbekalan. Dua buah kapal terbang yang digunakan bagi latihan juru-juruterbang dan beberapa buah helikopter untuk perhubungan dan menjau satu tempat ke satu tempat bagi benteng pertahanan negara ini.

KESELAMATAN TERJAMIN

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mempunyai Pasukan Kereta Perisai Peninjau yang terdiri dari kereta perisai Scorpion yang berpangkalan di Penanjong Kem dan Pasukan Combat Engineer atau Pasukan Penggempur yang bertugas membantu tentera bagi mengatasi apa jua jenis halangan seperti di sungai, penak-petak yang dipasang musuh dan sebagainya.

Di samping ABDB menyediakan dengan berbagai kemudahan seperti alat perhubungan radio dan signal skuadron kenderaan seperti trak, rover dan bas dan kereta Perisai.

Angkatan Laut (Tentera Laut) telah mempunyai beberapa kelengkapan yang lain antaranya ialah perahu Temuai dan perahu Penyerang (Jun 1965) dan buah kapal ronda paman KDB Bendahara, KDB Mahirajalela dan KDB Kerna Indira dan sebuah Hovercraft SRN 5 (1966), tahun 1967 Hovercraft dinukar SRN 6 dan tahun 1977 sebuah kapal pendarat KDB Paga tiba dan tahun 1982 kapal tunda Burung Nuri datangkan.

Dengan kelengkapan dan kemudahan tersebut, Tentera Laut telah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassan Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pemerintah Tertinggi Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan juga memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan yang telah selepas kemangkatan ayahanda Baginda.

Oleh: Dk. Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor



DALAM barisan yang padu ianya memperlihatkan suatu ketahanan yang tidak mudah dirobohkan. Beginilah hendaknya dalam barisan yang gagah ini anggota pasukan ABDB kita akan sentiasa memperlihatkan ketahanan pasukan demi menjaga keselamatan negara dan bangsa kita Brunei Darussalam.



ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien semasa hayat Baginda adalah merupakan pengasas Pasukan Askar Melayu Brunei di mana Baginda menyandang pangkat sebagai Colonel in-chief pasukan tersebut, dan kemudiannya Almarhum menyandang jawatan sebagai Menteri Pertahanan yang pertama setelah negara ini mencapai kemerdekaannya. Gambar menunjukkan Al-Marhum semasa hayat Baginda ketika memeriksa barisan anggota AMB, Di Port Dickon, Malaya. (Gambar dipetik dari buku Memperingati Jubli Perak ABDB.

Dari muka 10

menjalankan beberapa gerakan dan latihan termasuk latihan bersama dengan angkatan tentera sahabat luar negeri seperti Tentera Laut Singapura, dan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Manakala Pusat Latihan-nya terletak di Binturan yang dahulunya di Perkhemahan Bolkiah iaitu melatih hampir semua rekrut-rekrut termasuk Askar Wanita ABDB di dalam negeri dengan memberikan kecakapan dalam segi kepimpinan dan kemahiran menggunakan senjata dan lain-lain.

Pasukan tersebut juga mempunyai Pusat Pengajian yang memberi kursus dalam memberi anggota-anggotanya meningkatkan pelajaran bagi membolehkan mereka menghadiri berbagai kursus di seberang laut seperti United Kingdom, bagi menyediakan pegawai-pegawai yang berpelajaran tinggi. ABDB menubuhkan

Kompeni Askar Muda yang diambil dari penuntut-penuntut sekolah yang berumur dari 15 tahun hingga 17 tahun.

Tentera Udara yang bermula pada Januari 1965 mempunyai beberapa cawangan dan bahagian iaitu Skuadron Pertama (1968), Skuadron Kedua (1981), Skuadron Ketiga (1982) yang dibantu oleh lalulintas dan seksyen bombanya sendiri.

Setiap Skuadron mempunyai kelengkapannya sendiri tertentu untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Skuadron Pertama mempunyai pesawat jenis Bell 212 dan Bell 214 ST dan Skuadron Kedua mempunyai pesawat Bolkow BO 105 CB dan sebuah Bolkow BO 105 VVIP FLT CBS untuk kegunaan Diraja.

KEGIATAN SOSIAL

Menyentuh tentang kegiatan-kegiatan ABDB dalam melatih semua peringkat dari segi kemahiran

dan ketenteraan dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penglibatan di dalam dan luar negeri.

Latihan-latihan ketenteraan sama ada dalam dan luar negeri adalah seperti latihan ketenteraan di United Kingdom, Hong Kong, Australia, Singapura dan Indonesia bertujuan untuk menimba kemahiran yang sama di bahagian perairan dan laut. ABDB juga menghantar pegawai untuk menghadiri seminar-seminar seperti persidangan ke-13 Commonwealth Conference yang diadakan di Kuala Lumpur dan seminar "Defence Cooperation Planning" di Australia pada tahun 1983.

Latihan-latihan ketenteraan sama ada latihan di dalam negeri mahupun di luar negeri seperti lawatan, kursus-kursus jangka pendek dan panjang serta seminar-seminar yang telah dan akan diikuti dari masa ke semasa oleh semua peringkat ABDB yang bertujuan untuk



DI SAMPING bersedia mempertahankan keselamatan negara, anggota ABDB tidak ketinggalan dalam menjalankan kegiatan-kegiatan berkebaikan untuk masyarakat. Gambar menunjukkan sebahagian dari anggota pasukan tersebut ketika memucang-mucang membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam.

memberikan kemahiran dan kecakapan ketenteraan dari segi praktikal mahupun dari segi teorinya.

Dalam bidang sukan, ABDB juga menghantar wakil-wakilnya ke peraduan sepak takraw dan bola sepak ke peringkat kebangsaan dan

antarabangsa.


Begitulah juga kegiatan pasukan ABDB di bidang sosial seperti mengadakan derma anak yatim, sembahyang tarawih, bertadris dan mengadakan pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran serta hiburan.

KESIMPULAN

Semogalah dengan adanya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan meningkatkan kewaspadaan dan semangat waja untuk mempertahankan negara dari dicerobohi oleh anasir-anasir jahat yang tidak diingini.



DENGAN memakai pakaian upacara yang lengkap pasukan askar wanita ini berjalan segak dalam barisan yang teratur di salah satu upacara tamat latihan.



PASUKAN lelaki ABDB ini juga tidak ketinggalan memperlihatkan kecakapan mereka dalam menyusun barisan berjalan lalu di salah satu upacara tamat latihan.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

PERANAN RADIO DALAM MASYARAKAT MAJMUH

TIGA puluh tahun dulu, semasa Radio Brunei mula-mula ditubuhkan, pihak Kerajaan telah pun memikirkan lebih jauh lagi tentang kepentingan media elektronik ini di dalam menyatupadukan masyarakat berbilang keturunan di negara ini. Di atas pandangan dan sikap positif itu juga tiga saluran bahasa telah diadakan kemudiannya dalam perkhidmatan Radio Brunei. Antaranya ialah saluran Bahagian Melayu, Bahagian Tionghwa dan Bahagian Inggeris. Dan, selepas

itu ditambah pula lagi dengan siaran berbahasa Gurkha.

Masing-masing saluran bahasa di dalam perkhidmatan Radio Brunei mempunyai peranan dan kepentingannya. Namun begitu, matlamat utamanya adalah satu iaitu untuk menyampaikan informasi pemerintah, di samping untuk mendidik dan juga untuk menghibur masyarakat berbilang keturunan di negara ini.

Saluran Bahagian Melayu umpamanya adalah merupakan saluran induk dan agak penting

peranannya dalam perkhidmatan Radio Brunei hingga ke hari ini. Ini adalah memandangkan kepentingan dan keutamaan Bahasa Melayu sebagai 'Bahasa Kebangsaan' di negara ini.

Walaupun begitu, saluran-saluran bahasa lain seperti Tionghwa dan Inggeris juga sentiasa digalakkan untuk membuat rancangan-rancangan yang mencerminkan perpaduan masyarakat majmuk di negara ini, sesuai dengan kehendak dan kepentingan masyarakat semasa.

Di dalam memupuk perpaduan masyarakat majmuk ini pula, berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh pihak Radio Brunei dari dulu hingga sekarang. Umpamanya dengan mengadakan berbagai-bagai pertandingan seperti pertandingan-perandingan kuiz di radio, peraduan-peraduan nyanyian di radio dan lain-lainnya. Semua aktiviti tersebut telah diusahakan oleh Radio Brunei dengan pihak-pihak yang tertentu di negara ini.

Demikianlah fungsi Radio Brunei dari semasa ke semasa untuk berusaha mewujudkan perpaduan masyarakat di negara ini. Dan, sebagai usaha lanjutan ini pula satu usaha baru lagi akan dilaksanakan oleh Perkhidmatan Radio Brunei bahagian saluran Tionghwa. Projek tersebut dikenali sebagai

'Peraduan Nyanyian Masyarakat Tionghwa Seluruh Negara'. Peraduan ini akan mengentengahkan lima orang penyanyi lelaki dan juga lima orang penyanyi wanita. Peraduan ini nanti akan diadakan di Dewan Raya RTB, pada 6 Jun, 1987.

Matlamat utama peraduan ini ialah untuk mendapatkan kutipan derma, yang kemudiannya akan disumbangkan nanti kepada 'Derma Tabung-Tabung Kebajikan Kebangsaan 1987'. Di samping itu, menerusi peraduan ini pula diharapkan masyarakat Tionghwa akan lebih bergiat menguasai dan menggunakan bahasa Melayu. Kerana, lagu-lagu wajib yang harus dibawa oleh para peserta nanti adalah lagu-lagu Melayu, selain dari lagu-lagu Tionghwa sebagai lagu pilihan peserta.

Sandiwara Radio

"MENGHARAP SINAR

TERCUCUK DURI

"MENGHARAP SINAR TERCUCUK DURI" adalah hasil tulisan Nordin H. M. Negara Brunei Darussalam.

Sandiwara ini berlaku dalam suasana meriah, but kedatangan hari ini di mana ada segmen masyarakat yang siap dan salah tafsiran dalam menyambutnya. Hari ini dijadikan pula sebagai hari-hari untuk bermegah-megah dan menunjukkan kepada orang lain.

Rumahtangga Maswi selalu saja dalam kekecuaan akibat perbuatan isterinya yang paling gemar menambah hutang. Untuk hari raya kali ini, Tinah isteri Maswi berjanji berhabis-habis memandangkan masa baru saja berpindah ke rumah baru. Rumah baru peralatan pun semua baru.

Walaupun mata sedang melihat rumah dipenuhi dengan peralatan-peralatan yang baru, tapi hati mereka sentiasa resah gelisah kerana hutang keliling pinggang, ditambah lagi penagih-penagih hutang sering datang untuk membuat tuntutan.

Kerana terlalu membebankan hutang, Maswi tidak dapat menumpukan perhatiannya terhadap pekerjaannya, sehinggalah mendapat amaran dari ketua di pejabatnya. Boleh saja prestasi kerjanya menurun, malahan Maswi sampai mengidap penyakit yang membahayakan.

Adakah mereka akan bergembira menyambut suasana hari raya kali ini? Ikutilah nanti siarannya pada 7 Jun, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dayang Jamaliah Abdullah.

Tambahan Masa Siaran Perkhidmatan Radio Seksyen Inggeris

MULAI Isnin ini 8 Jun, 1987, Perkhidmatan Radio Seksyen Inggeris, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri akan menambah masa siarannya di sebelah petang sebanyak 2 jam lagi melalui Perkhidmatan FM Stereo sahaja iaitu 95.9 megahertz dan 96.9 megahertz pada setiap hari Isnin hingga Khamis pada jam 2 petang hingga ke jam 4 petang.

Tambahan masa siaran ini adaah bertujuan untuk menyesuaikan dengan perkembangan selera para peminat dan pendengar-pendengar Radio kita dewasa ini yang mana jangka masa 2 jam itu akan dimuatkan dengan aneka lagu FM Stereo. Di samping itu tujuannya juga ialah semata-mata dalam usaha untuk terus melartakan lagi perkhidmatan siaran yang sedia ada yang mana siaran penuh bagi Seksyen Radio Inggeris pada masa ini hanya dapat diikuti pada setiap penghujung minggu sahaja. Dengan adanya siaran tambahan di sebelah petang ini nanti akan dapat memenuhi selera suri-suri rumahtangga dan juga para belia terutamanya para penuntut yang baru kembali dari kuliah di se-

belah tengah hari, agar mereka dapat mengisi masa lapang ataupun masa rehat mereka dengan hiburan ringan seperti ini, kerana sebilangan besar penduduk kita adalah terdiri dari para belia. Dan kepada para pencinta muzik pula, keindahan irama dan melodi sesebuah lagu itu akan hanya dapat dinikmati dengan sepenuhnya melalui perkhidmatan siaran FM Stereo.

Semoga dengan adanya tambahan masa siaran ini melalui Perkhidmatan Radio Seksyen Inggeris akan dapat memberikan hiburan dan juga akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik lagi, khususnya kepada para pendengar di tanahair.



JURUTERA Radio sedang menerangkan sesuatu mengenai compact disc kepada Pegawai-pegawai Radio Bahagian Inggeris di Studio Siaran Rancangan Inggeris RTB.

Mari Memasak: "SNAPSHOT"

BAHAN-BAHAN:
NYA :—

- 10 biji telur
- 400 gram daging kisar
- 400 gram bawang besar dipotong dadu
- 200 gram tomato dipotong dadu
- 1 tin kecil Ghee
- 4 ulas bawang putih *
- 2 ulas bawang merah *
- * = ditumbuk halus
- 2 sudu makan rempah sop ataupun kari

2 batang lada hiju & merah dihiris halus
sedikit daun sop.

CARA-CARA
MEMBUATNYA :—

1. Panaskan dua sudu makan minyak Ghee. Tumiskan bawang putih dan bawang merah yang sudah ditumbuk halus kemudian masukkan rempah. Tumis hingga naik baunya. Masukkan daging dan masaklah hingga kering airnya.

2. Masukkan empat sudu makan minyak Ghee ke dalam mangkuk yang tahan panas. Pecahkan telur ke dalamnya. Bakarlah hingga separuh masak.
3. Kemudian masukkan bawang yang telah dipotong dadu. Bakar selama lima minit.
4. Masukkan tomato yang telah dipotong dadu. Bakar lagi selama lima minit.
5. Akhir sekali masukkan daging kisar dan taburkan lada yang telah dihiris halus. Bakar selama 10 minit.
6. Hidangkan dengan roti.

Peraduan Nyanyian Masyarakat Tionghwa

PERKHIDMATAN Radio Seksyen Tionghwa Radio Televisyen Brunei buat pertama kalinya akan menganjurkan Peraduan Nyanyian Masyarakat Tionghwa untuk kutipan Tabung-tabung Kebajikan Kebangsaan 1987, sempena Tahun Kebajikan Kebangsaan 1987.

Dari seramai 43 orang calon yang menyertai di Peringkat Separuh Akhir yang telah diadakan di Studio A RTB pada hari Ahad 24 Mei, 1987, seramai 10 orang peserta iaitu 5 orang lelaki dan 5 orang wanita telah dipilih untuk masuk ke peringkat akhir, di mana di samping menyanyikan sebuah lagu Mandarin, setiap peserta juga akan menyampaikan sebuah lagu Melayu.

Peringkat akhir peraduan ini akan dilangsungkan di Dewan Raya RTB pada hari Sabtu 6 Jun, 1987, mulai jam 7.30 malam.

Mari Memasak: "KEK LUMUT"

BAHAN-BAHAN:
NYA :—

- 5 biji telur ayam
- 10 oz mentega (285 gms)
- 1 cawan nestum
- ½ cawan semolina 'Medallion'
- ½ cawan susu cair
- 1 cawan '202' boh teh
- 2 cawan gula kasar
- ½ cawan tepung gandum
- Sedikit warna hijau

CARA-CARA
MEMBUATNYA :—

Mentega dipukul dengan gula hingga kembang. Kemudian masukkan telur satu persatu setelah itu masukkan tepung, susu cair, semolina, nestum, boh teh, sedikit kesemuanya, masak sedikit warna hijau dan kukuslah selama 1½ jam hingga masak. Barulah barulah dihidangkan.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.



MINGGU INI

MULAI 8 Jun, 1987 siaran Warta Berita akan diubah waktu siarannya dari pukul 8.50 malam kepada 9.00 malam. Beberapa buah rancangan juga akan diubah waktu dan masa siarannya.

HARI RABU 3 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FLINSTONE KIDS
- 5.00 CAMERA ON THE MOVE: "Towed Along: The Longest Leg"
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Evil Of Dr Dark"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DEFENDERS OF THE EARTH — sambungan
- 6.20 APA TU AH? — (Episod akhir)
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.45 APA TU AH? — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE LAST PRECINCT: "Never Cross A Vampire" Pegawai-pegawai dari 56 Precinct mengesan jejak seorang perompak darah, siapa yang kelihatan dan berlagak seperti Dracula.
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.51 THE LAST PRECINCT — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 SUDUT PELITA
- 8.45 BIMBINGAN ISLAM
- 8.55 LIPUTAN NASIONAL
- 9.25 REKASENI (ulangan)
- 9.50 THAT'S MY BOY: "Light And Shade"
- 10.15 SPORTS
- 11.05 DELIBERATE STRANGER (Siri baru)
- 12.10 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI KHAMIS 4 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 BERENSTEIN BEARS
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 ONCE UPON A TIME: "The Little Fish That Got Away" (ulangan)
- 6.05 LET'S GO MATHS (Episod akhir)
- 6.15 GHOSTBUSTERS: "A Friend In Need"
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.45 GHOSTBUSTERS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 PAPER CHASE
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.51 PAPER CHASE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 HIDAYAT
- 9.20 DUNIA MINGGU INI
- 9.50 HARDCASTLE AND McCORMICK: TOO CLOSE FOR COMFORTS: "Off And Running"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR: "Deadly Messages" Bintang utama tayangan gambar ini Kathleen Beller, seorang wanita yang sentiasa diburu oleh pembunuh yang berperangai jahat yang mana rancangan pembunuhan telah dinyatakannya oleh perbantuan rahsia Outja. Sementara Michael Brandon selaku seorang kekasih yang selalu mencurigainya.
- 12.45 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI JUMAAT 5 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT (ulangan)
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.49 HIDAYAT — sambungan
- 12.55 MUTIARA/NADASARI

PETANG

- 1.25 MR T
- 1.50 ITALIAN FOOTBALL
- 2.40 HE-MAND AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 3.05 SODENAME ICARUS
- 3.35 AL-KISAH: "Kurang Periksa" (ulangan)
- 3.45 AZAN ASAR
- 3.50 AL-KISAH — sambungan
- 3.55 LIFE WITH LUCY: "Lucy Is A Sex Symbol"
- 4.25 ODYSSEY FEATURES: "The Return" Bhg I
- 5.15 Q.E.D.: "In At The Deep End"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 Q.E.D. — sambungan
- 6.20 MUPPET BABIES
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.46 MUPPET BABIES — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 HOT PURSUIT
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.51 HOT PURSUIT — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 DOCUMENTARY: ARCHITECTURE AT THE CROSSROADS: "Architecture: Quo Vadis"
- 10.10 MIAMI VICE: "Out Where The Buses Don't Run"
- 10.55 KNOTS LANDING: "A Very Special Gift"
- 12.10 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SABTU 6 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 360 DEGREES: "Yemen"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 360 DEGREES — sambungan
- 6.05 VALERIE
- 6.25 THUNDERCATS
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.46 THUNDERCATS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE WIZARD: "Twist Of Fate" Simon telah terjaga daripada mimpi yang nyata di mana seorang wanita India yang cantik bernama Anthea, berjalan dengan angkuh. Pada kesokan paginya, Alex memberitahu Simon bahawa dia telah dipanggil oleh seorang wanita yang bernama Anthea di sepanjang malam, dan apa yang dimimpikan Simon adalah wanita yang sama. Kini Simon menyedari bahawa ini bukan mimpi tetapi suara tangisan meminta pertolongan. Simon pergi ke gudang kerjanya dan apabila Alex hendak bercakap dengannya dia telah tiada dan meninggalkan pesan bahawa dia pergi ke Tibet untuk menyelamatkan Anthea dan meminta supaya Alex tidak mengikutinya.

MALAM

- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.52 THE WIZARD — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA/MELAYU
- 10.50 ENTERTAINMENT THIS WEEK
- 11.50 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI AHAD 7 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.18 MUSICAL — TUBE COMPILATION: "Lords Of The New Church"
- 12.21 AZAN ZUHUR
- 12.26 MUSICAL — sambungan
- 1.05 REAL PEOPLE
- 1.55 TAYANGAN GAMBAR
- 3.25 SMURFS
- 3.46 AZAN ASAR
- 3.51 SMURFS — sambungan
- 3.55 SILVERHAWKS
- 4.30 DRAMA
- 5.10 SPORTS
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 6.05 AGRICULTURE: "Re-Production And Breeding"
- 6.20 GROWING PAINS
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.46 GROWING PAINS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA BAHASA INGGERIS
- 7.17 OUR HOUSE: "Growing Up Growing Old"
- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.52 OUR HOUSE — sambungan
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 MARI MEMASAK: "Kek Lumut" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
- 9.15 DOCUMENTARY
- 10.00 HEAD OF THE CLASS: "The Teacher's Teacher" Penuntut-penuntut Mr Charles Moore ingin mengucapkan selamat jalan dan mahu mengadakan jamuan perpisahan secara mengejut untuk guru mereka Mr Charles Moore, tetapi apa yang lebih memeranjatkan ialah apabila guru pengganti Mr Charlie Moore mengumumkan bahawa dia akan bersara dan jamuan yang diadakan bukannya untuk Mr Charlie Moore tetapi untuk penggantinya.
- 10.30 SPEARFIELD'S DAUGHTER
- 11.20 THE EDGE OF DARKNESS
- 12.00 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI ISNIN 8 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN.
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 WILDFIRE: "King For A Day"
- 4.55 NATURAL WORLD: "Emas — High Plains Of Brazil"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 NATURAL WORLD — sambungan
- 6.15 EDISON TWINS (Siri baru)
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.47 EDISON TWINS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE COSBY SHOW

- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.52 STINGRAY
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 SUPERSTARS OF WRESTLING
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR
- 12.45 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SELASA 9 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN KEBANGSAAN
- 4.30 BOOK TOWER
- 4.55 THE KID FROM 47A: "The Making Of A Hero" Willy telah memenangi Sijil keberanian apabila dia menyelamatkan seorang kanak-kanak perempuan yang terjatuh ke dalam parit air. Dengan tidak diduga, keputusan ini membantunya untuk memahami bahawa dalam permainan bola bukan kasut boot yang utama tetapi yang penting adalah pemakainya.
- 5.20 PUNKY BREWSTER
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 SELINGAN
- 6.15 CHARLES IN CHARGE
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.47 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 MARI MEMASAK: "Snapshuka" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.52 STARMAN
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 RENCANA TEMPATAN: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan
- 9.55 BIMBINGAN ISLAM
- 10.05 NORTH AND SOUTH
- 11.05 EASY STREET: "Spoonlighting" Uncle Bully mengambil kerja selaku pelayan di restoran dan dengan cara ini dia akan dapat membelikan L.K. rantai berlian yang mahal untuk hadiah harijadinya. Tetapi Bully terlalu bingung dengan kebisingan pelanggan dan bingung dengan kerja-kerja untuk menyediakan shakes, hamburgers dan aiskrim kemudian dia berazam untuk membeli hadiah yang murah sahaja.
- 11.45 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.



BARISAN gabungan berbaris menuju medan peperangan dalam siri North And South yang akan dapat awdaaksikan pada Selasa kira-kira jam 11.15 malam.



SALAH seorang penduduk kampung yang terlibat dalam kebakaran tersebut sedang membabitkan sebahagian dari miliknya yang sempat diselamatkannya.

KEADAAN air yang cetek menyebabkan pasukan bomba sukar untuk memadamkan api kebakaran. Kelihatan beberapa orang sukarelawan-sukarelawan memadam kebakaran bertungkus-lumus membantu pihak bomba untuk memadamkan api yang sedang menyala.

Seorang terkorban dalam kebakaran di malam Syawal

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Seorang kanak-kanak terbunuh serta sembilan buah rumah ranap dijilat api dalam satu kebakaran di Kampong Sungai Kedayan "A" ketika umat Islam sedang bersiap-siap menyambut Hari Raya Aidilfitri pada malam Jumaat lepas.

Menurut Ketua Kampong Sungai Kedayan "A", Awang Ahmad bin Jeludin, mangsa kebakaran itu Awang Lazim bin Ahim, 13 tahun diperayai terperangkap di dalam bilik air yang sedang terkunci dan mayatnya ditemui selepas kebakaran.

"Ketika kebakaran itu berlaku tidak seorangpun

Oleh: Ahat bin Haji Ismail
Gambar-gambar oleh: Hj. Sharbini Taha dan Pg. Abu Bakar PHO.

yang tahu bahawa Allahyarham berada di dalam bilik itu. Mungkin, Allahyarham cuba untuk keluar tetapi pintu tersebut tidak dapat dibukanya dan kami hanya menemui mayatnya selepas kebakaran itu dipadamkan," terangnya.

Ketua Kampong itu seterusnya menambah, "Semasa kejadian itu berlaku ibu kepada Allahyarham sedang bertugas di rumah sakit manakala ayahnya juga tidak ada di rumah."

Kebakaran yang bermula selepas pukul sembilan malam itu akhirnya dapat dikawal dalam masa 45 minit oleh kira-kira 70 orang ahli Bomba dengan lapan buah kereta dan lima buah perahu. Turut memberikan kerjasama dalam operasi memadam itu termasuklah beberapa pertubuhan sukarelawan-pemadam kebakaran Kampong Ayer

Lihat muka 15



ORANG yang tidak berupaya diberikan pertolongan dengan membawa mereka keluar ke tempat yang lebih selamat daripada kebakaran.



ORANG ramai dan penduduk yang berdekatan berpusu-pusu menghampiri tempat kejadian. Namun mereka ini hanya dapat berkeliaran ke sana sini dan menyaksikan kejadian tersebut tanpa dapat berbuat apa-apa dalam usaha membantu memadamkan kebakaran yang memusnahkan beberapa buah rumah di malam tersebut.



Buku-buku terbitan DBP

Pengajaran Prinsip dan Amalan

PENGAJARAN Prinsip dan Amalan yang ditulis oleh Awang Abdul Ghani bin Bujang adalah bertujuan untuk mengemukakan kepada pembaca-pembaca Melayu (Guru Melayu) beberapa aspek pemikiran dan amalan pendidikan yang berlaku pada zaman ini. Pengarang buku ini menyentuh beberapa konsep dan teknik yang mana adalah perlu bagi guru-guru yang progresif memahami seluas-luasnya kaedah ini. Buku ini hampir memenuhi kehendak profesion perguruan yang menyoroti proses pembelajaran daripada mengenal guru, tanggungjawab, peranan pengurusan serta hal-hal yang bersangkutan dengan profesion seorang guru yang baik dan efisien.

Awang Abdul Ghani dilahirkan pada tahun 1945 di Kuala Belait. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dari tahun 1953-1956. Pada tahun 1965 beliau memasuki Maktab Perguruan Melayu Brunei. Selepas itu beliau melanjutkan pelajaran di Cambridge Tutors, Warlingham, Surrey, England selama setahun. Dalam tahun 1966 hingga 1969 beliau mengikuti kursus perguruan di Culham College of Education, Abingdon, Berkshire. Beliau lulus dengan memperolehi Sijil Pendidikan (Cert. Ed.) dari Institute of Education, Universiti Oxford.

Dalam tahun 1973 hingga 1975 beliau telah mengikuti

kursus ijazah Sarjana Muda Pendidikan (B.Ed) di Universiti Saskatchewan, Saskatoon, Kanada menerusi skim latihan dalam perkhidmatan.

Pada bulan Mei 1975 beliau dilantik sebagai Pegawai Pelajaran dan menjadi Pensyarah Ilmu Psikologi Pendidikan dan Ilmu Alam di Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah (MPSHB), Gadong. Dalam tahun 1976 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengetua MPSHB dan sebagai Pemangku Pengetua di maktab yang sama pada tahun 1978.

Awang Abdul Ghani bin Bujang memperoleh Sarjana Pendidikan (M.Ed) dari Universiti Malaya dalam tahun 1981-1983 menerusi skim cuti belajar.

Beliau juga aktif dalam Persatuan Pendidikan Nasional dan dipilih menjadi Presiden (PPN) dan menjadi Presiden Persatuan Pelukis Brunei (PPB) bagi tempoh 1983-1984.

Awang Abdul Ghani bin Bujang sekarang bertugas sebagai Ketua Unit Perancangan dan Perkembangan di Kementerian Pelajaran. Terdahulu dari itu beliau pernah menjawat Pegawai Pelajaran Kanan di kementerian yang sama.



HIKAYAT AWANG SI AMBOK

NEGARA Brunei Darussalam kaya dengan cerita-cerita lisan yang diwarisi turun-temurun. Supaya cerita-cerita itu tidak hilang tenggelam begitu saja maka Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan cerita Hikayat Awang Si Ambok yang memuatkan cerita-cerita lisan yang berasal dari Daerah

Tutong. Penutur hikayat ini ialah Nenek Maimunah binti

Shamsudin, lahir kurang lebih pada tahun 1893. Penyusunnya Rahim Dulani seorang penulis yang produktif. Buku ini berguna bagi pengkaji-pengkaji sastera klasik khususnya dan peminat sastera di Nusantara.

Nama sebenar penulis ialah Haji Ibrahim bin Haji Abdul Ghani. Lahir pada tahun 1943 di Kampong Penanjong,

Tutong, Brunei Darussalam. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seria (1951-1954). Dalam tahun 1974 dianugerahkan Roll of Honour oleh Institut Trengkas Melayu.

Sekarang Rahim Dulani bertugas sebagai Ketua Pemberita Majlis di Pejabat Majlis-Majlis Mesyuarat, Dewan Majlis, Brunei Darussalam.

Beliau mula bergiat dalam bidang penulisan sejak tahun 1960, pernah menggunakan nama pena Rahani M.Y. Bidang karya cerpen, sajak dan esei. Karya beliau pernah tersiar dalam Suara Brunei, Daily Express, Bintang Harian, Bahana dan Radio. Beliau telah menghasilkan cerita klasik rakyat berjudul 'Hikayat Awang Si Ambok'.

KAMUS KANAK-KANAK

KAMUS Kanak-Kanak merupakan terbitan sulung Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang perkamusan. Kamus ini dihasilkan untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah.

Pernyataan yang dimuatkan dalam kamus ini meliputi kata-kata yang terdapat dalam buku-buku teks sekolah rendah, nama-nama buah, burung, ikan dan binatang-binatang lain serta kata-kata umum yang sering ditemui dalam kehidupan seharian.

Pernyataan dalam bahasa Melayu Brunei juga diberikan selepas tafsiran bagi sebahagian kata masukan.

Melalui Kamus Kanak-Kanak juga dikenalkan simpulan bahasa, kata lawan dan rangkai kata di samping pembentukan ayat yang menggunakan tatabahasa yang betul.

Kamus Kanak-Kanak ini disertakan juga dengan ilustrasi penuh warna sebagai keterangan lanjut terhadap kata masukan.

Dari muka 14

Punca-punca kebakaran itu belum lagi diketahui setakat ini. Bagaimanapun, pihak Bomba masih lagi menyiasat punca sebenar tragedi tersebut berlaku.

Makluman

DENGAN hormatnya sukacita diumumkan kepada orang ramai bahawa disebabkan kerja-kerja pengubahsuaian di Mahkamah Rendah Seria, perkhidmatan yang dijalankan oleh Mahkamah tersebut akan dipindah ke Mahkamah Rendah Kuala Belait iaitu daripada 3 Jun, sehingga 1 Julai, 1987.

Dengan ini dimaklumkan kepada sesiapa yang memerlukan perkhidmatan Mahkamah tersebut mereka bolehlah pergi ke Mahkamah Rendah Kuala Belait bagi urusan-urusan rami mereka. Adalah juga dimaklumkan bahawa semua perbicaraan yang telah ditetapkan untuk didengar di Mahkamah Rendah Seria di dalam jangka waktu tersebut akan didengar di Mahkamah Rendah Kuala Belait pada tarikh dan waktu yang sama seperti yang telah ditetapkan.

Sementara itu mangsa-mangsa kebakaran tersebut kini sedang tinggal bersama-sama dengan saudara mara mereka di beberapa buah rumah dan beberapa bantuan telah diberikan kepada mereka oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Tragedi kali ini merupakan yang ketiga terjadi di kampung itu. Kali pertama kejadian yang sama ini juga telah berlaku di Kampung itu beberapa tahun yang lalu di mana sejumlah 18 buah rumah telah musnah dan kali kedua pula memusnahkan tiga buah rumah.



LELAKI ini berusaha mengeluarkan peralatan rumahnya sebelum api kebakaran dari rumah yang berdekatan melarat ke rumahnya, di samping beberapa sukarelawan dan anggota bomba bertindak memadam api.



GERAKAN memadam api kebakaran berjalan terus melalui kereta pengepam air pasukan bomba ini sekalipun api telah meranapkan rumah berdekatan.

Bengkel Pengenalan Asas Seni Tari dan Teater

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengadakan Bengkel Pengenalan Asas Seni Tari dan Teater pada 19 hingga 20 Jun 1987. Bengkel ini diadakan dengan kerjasama Pusat Seni, Universiti Sains Malaysia.

Penyertaan adalah terbuka kepada ahli-ahli Persatuan, Kelab, Sekolah-Sekolah Menengah, Maktab dan Institusi Pengajian Tinggi serta orang perseorangan yang berminat.

Borang-borang penyertaan boleh didapati daripada Awang Juned bin Haji Ramli,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau di Bangunan Bubungan Dua Belas dan daripada Awang Jawawi bin Haji Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tarikh tutup penyertaan ialah pada hari Khamis, 11 Jun, 1987.

Dari Muka 2

tidak semata-mata akan diukur dari segi hadiah atau sijil yang diberikan, tetapi kesannya kepada guru-guru dan murid-murid secara umum dalam menambahkan lagi kesedaran terhadap usaha kita untuk meningkatkan mutu pencapaian kita di bidang pelajaran, khususnya di peringkat rendah.

Guru-guru setentunya menyedari bahawa profesion guru itu seharusnya lebih mendekatkan kita dengan kegiatan-kegiatan ilmiah kerana adalah atas kepentingan profesion guru itu perlu dipertingkatkan secara berterusan. Memandangkan perkembangan ilmu yang semakin pesat, adalah amat penting bagi guru-guru untuk sentiasa berusaha dalam menambahkan ilmu pengetahuan mereka bukan saja untuk kepentingan murid-murid di sekolah tetapi juga bagi peningkatan kerjaya masing-masing dalam bidang yang sangat mulia ini. Kementerian Pelajaran akan terus berusaha untuk menyalurkan guru-guru mengikut kesesuaian dan keupayaan masing-masing ke pusat-pusat pengajian di seberang laut seperti REC-SAM di Pulau Pinang, RELC di Singapura dan sebagainya iaitu semata-mata untuk mendedahkan guru-guru berkenaan kepada kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baru di bidang Sains, Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris di samping untuk meninggikan taraf ilmu masing-masing. Usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti ini adalah diharapkan akan dijadikan sebagai cabaran dan peluang keemasan bagi guru-guru untuk memperbaiki mutu profesion dan kerjaya masing-masing digunakan secara sempurna dan bermanfaat. Insya Allah, selain dari menghantar guru-guru keluar negeri melalui skim-skim latihan yang sudah ada, Kementerian Pelajaran akan berusaha untuk mengadakan lebih banyak latihan-latihan yang boleh diadakan di dalam negeri yang boleh melibatkan sebilangan besar guru-guru.

Buat mengakhiri ucapan saya ini, saya tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada murid-murid, guru-guru dan sekolah-sekolah yang menerima penghargaan pada hari ini atas kecemerlangan mereka. Sebagaimana yang telah saya tekankan tadi, penghargaan serupa ini diharapkan akan mendatangkan kemanfaatannya kepada guru-guru dan murid-murid secara umum dari segi menimbulkan minat dan kesedaran untuk sentiasa berusaha menuju ke arah kecemerlangan. Saya tidak lupa juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyampaian Hadiah Pelajaran Terbaik bagi peringkat daerah dan negeri atas usaha yang amat besar ertinya kepada perkembangan pelajaran di Negara Brunei Darussalam ini.



GAMBAR Awang Aliakbar di sebelah kanan dan Awang Mohamad di kiri bersama dengan Mr. John Birch. — gambar Ihsan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam.

Hadiri kursus intensif tiga minggu di Australia

DUA orang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menamatkan kursus intensif selama tiga minggu mengenai Sistem Sukatan dan Penggunaan Metrik Australia pada 24 Mei yang lalu.

Mereka ialah Pegawai Pen-

tadbir Kanan, Jabatan Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Aliakbar bin Abu Bakar dan Pegawai Pentadbir, Awang Mohamad bin Haji Abd. Rahman. Mereka telah mengikuti kursus tersebut di

National Standards Commission, Sydney, di mana mereka telah mengadakan perbincangan-perbincangan bagi sistem penyaluran dan penggunaan metrik di negara ini. Perbincangan tersebut telah diadakan bersama dengan Pengarah Eksekutif Suruhanjaya berkenaan, Mr. John Birch dan lain-lain pegawai

dan bekas pegawai penasihat kepada Penukaran Metrik. Pegawai-pegawai ini juga telah melakukan perjalanan ke Cawangan Sains dan Timbangan di Britain dan Pengguna Negeri lain.

Dari muka 9

generasi Islam di negara-negara di rantau ini. Mereka boleh dihayutkan oleh ancaman besar yang dibawa oleh kemajuan geografis, dan politik serta budaya. Adalah dikhuatiri mereka itu akan menjadi mangsa pada arus jelajahan budaya ringan dan budaya picisan yang dibawa oleh kemajuan teknologi komunikasi moden, iaitu budaya pop, budaya ringan, hiburan kebisingan bunyi, tarian-tarian murah, budaya jeans, budaya "Makanan Segera", budaya muzik dan tarian disco. Lebih mengkhawatirkan lagi ancaman budaya menghidu gam dan ketagihan dadah. Terlalu aneh teknologi komunikasi moden ke rantau ini, sebagai misalnya ia tidak berjaya membawa budaya berat budaya tinggi dan pemikiran-pemikiran serius. Adalah dikhuatiri ancaman yang sedemikian besar akan boleh menghancurkan harapan dalam membina kembali tamadun berbahasa Melayu yang mendukung ajaran Islam di rantau ini, seperti yang pernah tercipta dalam abad-abad ke 16 dan 17⁽⁴⁶⁾.

Nilai

Demikianlah perubahan yang dilalui, manusia menemui perubahan, dan masyarakat juga mengalami perubahan. Sungguhpun manusia sukakan perubahan dan memang perubahan adalah suatu yang lumrah, tetapi yang mustahak dipersoalkan ialah nilai perubahan itu sendiri, kerana di sinilah letaknya darjat, kualiti, mutu dan taraf. Nilai itu adalah ukuran atau standard untuk menghukum dan memilih tindakan dan tujuan tertentu.

Dalam proses perubahan, akan diketahui kemajuan dan kemunduran, berdasarkan sukat-sukat dan ukuran yang digunakan untuk menilai perubahan itu. Maka mungkin dari segi materialism ukuran itu ialah benda, dari segi sekularism yang dipakai ialah nilai dunia, dan bagi humanism ialah nilai manusia, tetapi bagi kita orang-orang Islam yang dipakai ialah Nilai Rabbani, nilai yang ditentukan oleh Allah.

Kerana itu, perubahan yang membawa kemajuan yang nampak dari segi materialnya belumlah boleh dikatakan dapat menyelesaikan semua masalah, kerana tidak semestilah kemajuan dan pembaikan dari segi material itu mengambil kira dan menjunjung kepentingan luhur budi pekerti dan ugama. Maka adalah elok jika kemajuan teknik dan ilmu-ilmu moden itu diimbangi oleh kemajuan budi pekerti dan ugama (kefahaman, amalan dan penghayatannya). Sebab pembaikan dan kemajuan di bidang material sahaja tanpa pembaikan dan kemajuan di bidang kerohanian, akan menampakkan tidak adanya keseimbangan antara ugama dan kebudayaan. Ini akan menimbulkan suatu masalah yang menyangkut martabat manusia itu sendiri.

Ikhlas

Usaha-usaha untuk menegakkan Ugama Allah dalam apa jua bidang pun, dan dengan apa cara jua pun, hendaknya dilakukan dengan suci hati, kerana Allah semata-mata, bukan

Nilai adalah ukuran untuk menghukum dan memilih tindakan

untuk mendapat sesuatu keuntungan atau menolak sesuatu bencana di sebalik perbuatan itu. Kita dikehendaki ikhlas, termasuklah ikhlas pada niat, benar pada niat dalam membuat sesuatu perkara yang berkebalikan kerana Allah jua, jika niat itu bercampur dengan sesuatu yang lain daripada kerana Allah, maka cacatlah niat itu.

Allah tidak menerima ibadat seseorang melainkan ibadat itu dilakukan dengan ikhlas

Nabi kita mengajar supaya kita berlaku ikhlas dalam mengerjakan amalan ugama kita walaupun amalan itu sedikit, maka ia adalah memadai juga⁽⁴⁸⁾.

Keikhlasan itu berpunca dari hati yang suci pada melakukan perbuatan secara jujur, bukan berpura-pura bukannya Nabi kita mengajar kita konsep ihsan, iaitu dalam melakukan sesuatu ibadat kita seolah-olah melihat Allah, tetapi kita sebenarnya tidak melihat-Nya, bahkan yang senantiasa melihat kita ialah Allah⁽⁴⁹⁾.

Tugas Kita

Adalah menjadi tugas kita generasi sekarang ini, untuk menerangkan seluas-luasnya dengan hikmah dan penuh kebijaksanaan akan ajaran-ajaran Islam, dan menonjolkan dengan amalan akan nilai-nilai Rabbani, yang merangkumi sifat-sifat sejagat, menuju ke arah kepentingan dan kemuslihatan manusia seluruhnya.

Ajaran Islam telah berjasa kepada kita di nusantara ini, dan sumbangannya tidaklah sedikit dalam membentuk keperibadian kita dari dahulu hingga sekarang, dan tugas kita ialah untuk menanamkan ajaran-ajaran Islam dan nilai-nilai Rabbani itu kepada generasi baru dengan cara yang sebaik-baiknya, supaya mereka akan terus mendukung dan memelihara ajaran-ajaran Islam dan nilai-nilai Rabbani itu di nusantara ini khususnya, dan supaya mereka dapat hidup dengan jayanya dalam suasana kemajuan sains dan teknologi, teguh berpegang kepada akidah dan amalan ajaran Islam, hidup bantu membantu dalam kerja-kerja kemasyarakatan dengan orang yang bukan seugama dengan mereka dalam suasana toleransi, baik sangka, hormat-menghormati, bekerjasama dalam menjayakan rancangan-rancangan negara untuk faedah bersama di mana mereka menjadi rakyatnya. Secara peribadi saya berpendapat bahawa usaha-usaha yang sedemikian dipercayai akan lebih berkesan jika ada penyaluran-penyaluran yang ber-sistem dan cekap, di peringkat nasional dan di peringkat serantau serta di peringkat antarabangsa. Bagi kita di rantau ini khususnya yang disatukan oleh ASEAN mungkin sudah tiba

masanya bagi kita memikirkan dengan serius supaya usaha menuju ke arah mewujudkan penyaluran yang sistem dan berkesan itu dimulakan di bawah naungan badan yang ditubuhkan oleh ASEAN dalam bidang yang lain.

Untuk mengakhiri pidato ini, saya menyatakan keagungan ke hadirat Allah s.w.t di atas limpah rahmat-Nya kepada Indonesia sehingga Institut Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah berkeikhlasan menganugerahkan gelaran Kehormatan dalam Ilmu Agama Islam kepada saya dan jua jlis yang permai ini, dengan penuh hormat dan ucapan mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada IAIN Syarif Hidayatullah di atas anugerah yang diterima ini. Dan usaha penganugerahan ini digerakkan oleh Tuan Yang Terutama Hj. Zuhir Djamal, pada masa itu Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Mulia Dr. Fuad Hassan, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia Yang Mulia Bapak Ferdy Salim, Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, masa itu, Tuan Yang Terutama yang Dimuliakan Penghulu Khatib Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman Besar Negara Brunei Darussalam di Indonesia yang cadangan penganugerahan itu direstui oleh Presiden Republik Indonesia Presiden Soeharto. Saya menerima dari pihak saya pula adalah atas nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Saya mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Allah s.w.t. dengan balasan yang berganda-ganda jua, hanya Allah s.w.t. yang layak menerima balasan.

Dalam pada itu juga, saya memohon kekuatan kepada Allah s.w.t dan bertawakal kepada-Nya semoga saya akan dapat menjunjung gelaran Doktor Kehormatan ini dengan tanggungjawab dan amanah terhadap ugama Islam yang dipandukan kitab suci Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Bersama-sama kita dengan penuh keikhlasan dapat menegakkan ajaran-ajaran Islam dan menegakkan menyebarkan nilai-nilai Rabbani menurut keupayaan masing-masing dan dalam bidang masing-masing, semata-mata mencapai keredaan Allah jua.



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGAMBILAN LELAKI KE-73 BERAKHIR PADA 2 SEPT. 1987

BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



Mendaftarlah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Bolkiah Garison
Negara Brunei Darussalam

Nama :
No. Kad Pengenalan : Warna :
Tarikh Lahir : Umur :
Alamat Sekarang :
Kelulusan Sekolah :
Nama Ayah/Penjaga :
No. Kad Pengenalan : Warna :
Tarikh Lahir : Tempat Lahir :
Alamat Sekarang :
No Telefon Rumah/Pejabat :
Tandatangan : Tarikh :

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
DI TANGAN AWDA**

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah 6 Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun, bujang atau beristeri.
4. Berat badan tidak kurang 47.25 kg, tinggi tidak kurang dari 1.54 meter dan berbadan sihat.
5. Awang-Awang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti: Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelakuan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU TEKNIK KANAN

(Bilangan Kod: 084 03-992)
(Di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: C.2 EB.3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- Higher National Certificate atau TEC Higher Certificate dalam bidang Kejuruteraan Awam, Mekanik, Elektrik, Ukur Bahan atau Arkitek atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya serta berpengalaman praktikal dalam bidang yang bersesuaian.

ATAU

